

POLITIK DI KAWASAN UNDI N. 17 ENGKILILI, SARAWAK

SYLVESTER MICHAEL MIJEL  
NO. MATRIK: 53263

- 1) Bidang Kejuruteraan
- 2) Tujuan Tajinan
- 3) Kegantungan
- 4) Kapasiti Tajinan

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

- 1) Skandal Seksual Tengku
- 2) Individual Testimony Trial Lawyer
- 3) Sultan Muhammad V
- 4) Sultan Abdul Halim Muadzam Shah

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

- 1) Local Interest
- 2) Ideology Politics
- 3) Party Politics
- 4) Peopling Politics

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
SENARAI GAMBARAJAH, JADUAL DAN PETA	iv
BAB I : PENDAHULUAN	1
1) Bidang Kajian	1
2) Tujuan Kajian	2
3) Kepentingan	2
4) Kaedah Kajian	5
i) Pemerhatian Ikutserta	6
ii) Temubual	6
a) Temubual Secara Langsung	7
b) Temubual Secara Tidak Langsung	7
iii) Kajian Kepustakaan	8
5) Kesulitan	8
BAB 2 : KONSEP	10
1) Politik	10
2) Local-Level Politics	11
3) Ideologi Politik	12
4) Parti Politik	14
5) Penyertaan Politik	16

Muka Surat

ii) Pakatan Di Antara Rumah Panjang	78
iii) Peringkat 'River Pact'	80
2) Hubungan 'Patron-Client'	82
3) Kelemahan Sentimen 'Dayakism'	90
 BAB 6 : KAWALAN DAN PENGKADERAN POLITIK	 98
1) SUPP Cawangan Engkilili	98
2) Peranan KEMAS dan SEBERKAS	103
3) Politik Wang	108
 BAB 7 : KESIMPULAN	 114
SENARAI RUJUKAN	118
 21 Penduduk	 41
i) Latarbelakang Suku Ayam, Then	47
ii) Ancestral Beliefs and Practices	50
iii) Organisasi Sosial Komuniti	51
iv) Rumah Panjang	51
v) Kapitain dalam Rumah Panjang	51
vi) Pekerjaan	52
vii) Latarbelakang Susto-Ghost Cina	63
 BAB 5 : PENYERTAAN DARI PERILAKU POLITIK DI KAWASAN UNIT N. 17 ENGKILILI	 73
i) Akurasi dan Keturunan	73
ii) Peringkat Komuniti Dalam Sebuah Rumah Panjang	76

Muka Surat

6) Political Middleman	19
BAB 3 : PARTI-PARTI POLITIK SARAWAK 1962-1987	21
1) Penubuhan Parti-Parti Politik Di Sarawak	21
2) Pilihanraya Negeri Sarawak 1963-1987	24
3) Klasifikasi Kawanan Undi Mengikut Etnik/Suku Kaum	35
4) Krisis dan Pergolakan Politik Di Sarawak 1965-1987	36
5) Latarbelakang Politik Di Kawasan Undi Dewan Undangan Negeri N. 17 Engkilili	43
BAB 4 : LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN, PENDUDUK DAN SOSIAL, BUDAYA/EKONOMI	47
1) Kawasan Kajian	47
2) Penduduk	48
i) Latarbelakang Suku Kaum Iban	49
ii) Agama	50
iii) Organisasi Sosial Komuniti Rumah Panjang	51
iv) Kepimpinan Dalam Rumah Panjang	51
v) Pekerjaan	60
vi) Latarbelakang Sosio-Ekonomi Cina	61
BAB 5 : PENYERTAAN DAN PERILAKU POLITIK DI KAWASAN UNDI N. 17 ENGKILILI	73
1) Kekerabatan dan Keturunan	73
i) Peringkat Komuniti Dalam Sebuah Rumah Panjang	75

### Sinopsis.

Kajian ini adalah mengenai perilaku politik di peringkat 'grassroots' terutama di kalangan suku kaum Iban di kawasan undi Dewan Undangan Negeri N.17 Engkilili yang terletak di bahagian kedua Sarawak.

Dalam bab pertama kajian ini, merupakan pengenalan kepada bidang, tujuan dan kepentingan kajian. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini serta kesulitan yang dihadapi ketika kajian dilakukan.

Bab kedua adalah mengenai perbincangan beberapa konsep yang berkaitan dengan politik serta bagaimana perkaitannya dengan bidang kajian ini.

Bab ketiga merupakan penerangan ringkas mengenai latar belakang politik Sarawak dari tahun 1963 hingga 1987. Tumpuan diberi kepada penubuhan parti-parti politik, pilihanraya-pilihanraya yang pernah diadakan, klasifikasi kawasan undi dan perolakan serta krisis yang pernah berlaku di Sarawak. Di akhir bab ini dimuatkan juga latar belakang mengenai politik Engkilili.

Bab keempat merupakan penerangan etnografi suku kaum Iban terutama dari segi sosio budaya dan ekonomi. Terdapat juga sedikit penerangan tentang kaum Cina di Engkilili.

Bab ke lima, perbincangan ditumpukan mengenai perilaku dan penyertaan politik di Engkilili. Diterangkan bagaimana faktor-faktor sosio budaya dan hubungan 'patron-client' dapat mempengaruhi perkembangan politik setempat. Sejauh mana sentimen 'Dayakism' mempengaruhi

pandangan politik di kalangan suku kaum Iban di Engkilili.

Bab ke enam, berkisar kepada usaha-usaha pengkaderan dan pengawalan politik oleh beberapa pihak di Engkilili. Beberapa langkah seperti penubuhan cawangan kesatuan belia, pembukaan agensi kerajaan dan penggunaan wang merupakan strategi yang dirancang bagi tujuan tersebut.

Bab ke tujuh merupakan kesimpulan pengkaji terhadap kajian serta perkembangan politik di Engkilili.

SENARAI GAMBARAJAH, JADUAL DAN PETA

Muka Surat

Jadual 3.1 : Party Representation in the Tiers of Government	20
Jadual 3.2 : Pilihanraya Sarawak 1970	27
Jadual 3.3 : Keputusan Pilihanraya Negeri Sarawak 1974	28
Jadual 3.4 : Bilangan Calon Yang Bertanding Pilihanraya 1983	29-30
Jadual 3.5 : Keputusan Pilihanraya 1983	30
Jadual 3.6 : Pembahagian Kerusi Dalam Pilihanraya 1987	31-32
Jadual 3.7 : Klasifikasi Kawasan Undi	33
Jadual 3.8 : Senarai ADUN N. 17 Engkilili 1963-1987	45
Jadual 4.1 : Penduduk dan Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik-Sarawak	49
Jadual 4.2 : Penduduk mengikut Daerah dan Kumpulan Etnik 1980: Sarawak	63
Jadual 4.3 : Taburan Penduduk Cina Mengikut Daerah Dan Kumpulan Loghat 1980	63
Jadual 4.4 : Senarai Councillor Majlis Daerah Lubuk Antu, Engkilili	64
Jadual 4.5 : Senarai Sebahagian Rumah Panjang Yang Terdapat Di Engkilili	65-68
Jadual 5.1 : Kadar Kemiskiann Mengikut Keturunan 1982	85
Peta 1 : Kawasan Undi Dewan Undangan Negeri Sarawak	46
Peta 2 : Bahagian Kedua Sarawak	71
Peta 3 : Kawasan Sub Daerah Engkilili	72

DAM 1	<u>Muka Surat</u>
Gambarajah 1 : Unit Dalam Organisasi Iban	67
Gambarajah 2 : Keluarga Kognatik	68
Gambarajah 3 : The Iban Kindred	69-70
Gambarajah 4 : Hubungan Kekeluargaan Di Antara Tiga Buah Rumah Panjang	79

English di Sarawak. Kewenang dan peranan kaum masyarakat yang tidak mendapat kestabilan dalam politik yang seiring berlalunya pertukar generasi. Walaupun ia masih sama-sama cipta oleh pihak Inggeris. Pada masa itu kewenang dan tugas kaum politik di peringkat kerajaan di bawah tiga buah rumah sarawak dibentuk. Ia merupakan hasil politik setiap orang kaum atau personaliti tertentu, atau keluarganya. Ia adalah berdasarkan pada perancangan politik "unitary system" di peringkat kerajaan. Andalan ini diketahui sebagai jalinan sosial politik kaum dan kaum. Dalam perkembangannya, R.17 mengatakan bahawa ia dibentuk oleh orang Cina dan kaum Melayu. Terdapat juga kaum yang dilahirkan sebagai perpaduan politik pada Wilayah Persekutuan Sarawak 1987.

### 3) Tuan Zahid

Perancangan besar tidak adanya kaitan politik di peringkat "local-level" atau "grassroot" yang beristik diantara di Sarawak, mengakibatkan kerajaan dan perancangan berjaya berjaya menyebabkan keserasian antara rakyat Sarawak.

## BAB 1

### Bab 1 : Pendahuluan

#### 1) Bidang kajian.

Pengkaji memilih politik di peringkat 'local-level' atau 'grassroots' sebagai bidang kajian. Kajian ini adalah mengenai politik di Kawasan undi Dewan Undang Negeri N.17 Englilili di Sarawak. Kawasan undi merupakan sebuah kawasan undi yang tidak stabil. Wakil rakyat dan parti politik yang menang sentiasa bertukar ganti. Malah ianya dianggap sebagai kawasan hitam oleh pihak tertentu. Pengkaji mempunyai andaian bahawa politik di peringkat 'grassroots' di kawasan luar bandar Sarawak sebenarnya tidak mementingkan parti politik tetapi mengutamakan tokoh atau personaliti tertentu. Maka keseluruhan kajian ini adalah berkisar pada persoalan politik 'patron-client' di paras tempatan. Andaian ini dikira akan dapat menjawab soalan mengapa Kawasan undi Dewan Undangan Negeri N.17 Engkilili diwakili oleh seorang Cina Hakka dan bukannya daripada kalangan orang Iban yang merupakan majoriti penduduknya. Dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan perkembangan politik pada Pilihanraya Negeri Sarawak 1987.

#### 2) Tujuan Kajian

Disebabkan hampir tidak adanya kajian politik di peringkat 'local-level' atau 'grassroots' yang bersifat akademik di Sarawak, pengkaji berharap kajian ini sedikit-sebanyak boleh menyumbang mengatasi kekurangan ini. Kajian

ini juga bertujuan untuk mencari maklumat dan memahami tingkah-laku politik yang dapat dijadikan panduan kepada pengkaji serta pengkaji lain yang berminat dengan politik 'grassroots' di Sarawak.

Dengan demikian politik 'local-level' atau 'grassroots' perlu di beri perhatian yang istimewa bagi memahami tingkah-laku politik para pengundi umumnya dalam pengertian yang lebih luas. Adalah tidak memadai hanya melihat dari peringkat kebangsaan atau negeri sahaja kerana lazimnya tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar tingkah-laku politik di sesuatu tempat. Oleh itu pengkajian berpendapat kajian politik 'local-level' atau 'grassroots' yang menjadi fokus keseluruhan kajian adalah penting atas beberapa sebab:

- i) Memahami dan menganalisa aspek-aspek sikap politik di peringkat bahawan.
- ii) Memahami tingkah-laku politik di peringkat bahawan.
- iii) Menentukan setakat mana politik 'grassroots' mempengaruhi politik di peringkat atasan atau sekurang-kurangnya di paras kepimpinan Negeri Sarawak.

### 3) Kepentingan kajian

Politik merupakan bidang yang menarik untuk dijadikan kajian akademik. Politik di Sarawak secara amnya jarang mendapat perhatian istimewa dari pengkajian politik tempatan. Kebanyakan kajian dibuat oleh pengkaji-pengkaji

luar yang berminat dalam perkembangan dan pergolakan politik tempatan.

Misalnya Margaret F. Roff dalam karyanya "Political change in east Malaysia 1962 - 1972", membincangkan perkembangan dan perubahan politik di Sabah dan Sarawak. Beliau menumpukan kajian ke atas mobilisasi serta organisasi politik di kedua-dua negeri tersebut. Bagaimana masalah penyatuan politik timbul akibat perbezaan pendapat antara masyarakat majmuk yang wujud.

Kajian Michael Beckett Leigh "The Rising Moon", hampir menyerupai gaya pendekatan yang digunakan oleh Margaret F. Roff, tetapi lebih menumpukan Negeri Sarawak sahaja. Kajian beliau mengenai perkembangan politik di Sarawak lebih konprehensif dan banyak mengandungi maklumat berguna mengenai latar belakang politik Sarawak. Kajian ini memperlihatkan bagaimana perubahan politik di Sarawak secara beransur-ansur bergerak sealiran dengan cita-cita politik di peringkat kerajaan pusat di Kuala Lumpur. Bagaimana timbulnya masalah serta konflik politik di antara suku kaum di Sarawak yang majmuk.

Bruce Ross- Larson dalam karyanya "The politics of federalism" mengutarakan perbincangan bagaimana usaha kerajaan pusat mengatasi masalah pergolakan politik di Sabah dan Sarawak yang hampir-hampir membawa kepada perpisahan dari Persekutuan Malaysia. Bagaimana peranan Syed Kechik menjadi orang yang penting di tengah-tengah pergolakan

tersebut bagi memastikan politik di kedua-dua negeri tersebut sealiran dengan cita-cita kerajaan pusat.

Sementara Peter Searle dalam tulisannya "Politics in Sarawak 1970 - 1976: The Iban perspective", melihat perkembangan politik di Sarawak dari dua peringkat"iaitu di peringkat iaitu 'grassroots' dan negeri. Peter Searle menumpukan kajian beliau kepada golongan 'grassroot' suku kaum Iban serta mobilisasi politik mereka, kelebihan dan halangan ke arah perpaduan politik suku kaum Iban di Sarawak. Bagaimana golongan 'grassroots' ini mempengaruhi perkembangan politik di peringkat Negeri Sarawak. Tetapi beliau tidak menganalisa dengan lebih terperinci perkembangan politik di sesuatu tempat yang boleh dianggap sebagai bersifat kajian kes. Beliau menghuraikan secara umum dan merangkumi banyak tempat di Sarawak. Dari kajian Peter Searle berasa yakin akan kemantapan politik suku kaum Iban tetapi jelas sekarang perkembangan politik suku kaum Iban menghadapi dilema dan perpecahan politik.

Jayum A. Jawan merupakan seorang pengkaji politik tempatan yang berminat menganalisa perkembangan politik di Sarawak. Dalam karyanya "The Sarawak state election of 1987 : The Dayakism faktor", beliau menghuraikan sejauh mana faktor Dayakism membawa dan mempengaruhi pilihanraya Negeri Sarawak 1987. Beliau juga memilih jalan tengah bagi menghuraikan sebab kejayaan dalam pilihanraya tersebut dengan sekutunya PERMAS. Jayum A. Jawan meragui faktor 'Dayakism' sebagai penentu keadaan tersebut berdasarkan keputusan-

keputusan di beberapa kawasan undi. Walau bagaimanapun beliau tidak menolak sama sekali akan kepentingan faktor 'Dayakism' dalam pilihanraya Negeri Sarawak 1987.

Dari kesemua kajian tersebut pengkaji mendapat terdapat satu persamaan yang jelas iaitu pengkaji-pengkaji berkenaan lebih menumpukan kajian politik di peringkat negeri. Kecuali kajian yang dilakukan oleh Peter Searle, hampir tiada yang menyentuh politik di peringkat 'grassroots' atau 'local-level'. Bagi pengkaji untuk memahami perkembangan dan pergolakan politik adalah tidak memadai sekiranya tumpuan hanya diberikan ke atas politik di peringkat negeri sahaja. Aspek politik di peringkat 'grassroots' sebenarnya turut mempengaruhi keadaan politik di peringkat negeri.

Oleh itu pengkaji berasa kajian ini penting bagi mengatasi atau sekurang-kurangnya dapat dijadikan panduan asas kepada pengkaji-pengkaji politik yang berminat dengan perkembangan politik di peringkat 'grassroots' khususnya di Sarawak. Dalam pada itu pengkaji-pengkaji politik tempatan perlu memberi perhatian istimewa kepada hal ini kerana pandangan pengkaji-pengkaji dari negeri adalah berlainan dengan tafsiran pengkaji-pengkaji tempatan.

#### 4) Kaedah kajian

Dalam sesuatu kerja lapangan, pemilihan kaedah tepat adalah penting bagi membantu pengkaji memperolehi maklumat yang diperlukan. Untuk kajian ini pengkaji menggunakan beberapa kaedah yang biasa digunakan dalam disiplin antropologi dan sosiologi untuk mengumpulkan data atau

maklumat yang diperlukan. Pengkaji menumpukan tiga kaedah utama dalam kerja lapangan ini.

i) Pemerhatian ikutserta

Kaedah yang diperkenalkan oleh ahli antropologi bagi mengkaji masyarakat simple. Kaedah ini memang praktikal dan sesuai digunakan dalam suku-kaum yang pengkaji selidik kerana suku-kaum Iban di kawasan Sub-daerah Engkili relatifnya homogenous dari segi bahasa, ekonomi dan budaya. Kaedah pemerhati ikutserta membolehkan pengkaji memperolehi data atau maklumat yang empirikal dan diakui kesahihannya. Hakikat ini penting dalam perkembangan ilmu moden yang dianggap sebagai sains.

Melalui keadah tersebut, pengkaji tinggal dalam komuniti yang dikaji serta memerhati kegiatan harian mereka. Lebih penting lagi, pengkaji terdedah kepada berbagai isu dan masalah komuniti yang dijadikan sample. Hasil dari pendedahan tersebut secara tidak lansing pengkaji dapat memahami perilaku komuniti yang dikaji. Hal-hal tersebut juga merangkumi tentang soal-soal politik. Dari segi 'rapport' pada amnya pengkaji tidak menghadapi banyak masalah dengan penduduk-penduduk tempatan kerana pengkaji memahami budaya dan bahasa mereka.

ii) Temubual

Kaedah ini dianggap sebagai salah satu interaksi sosial kerana melibatkan sekurang-kurangnya dua individu. Kaedah temubual berbeza dengan pemerhatian ikutserta kerana ianya digunakan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan dari

responden yang terpilih dan terhad bilangannya. Kaedah temubual biasanya dikategorikan kepada;

a) Temubual secara langsung

Digunakan untuk mencari maklumat dan pandangan dari responden berdasarkan beberapa siri soalan yang telah dirancang terlebih dahulu. Manakala responden yang dipilih mempunyai pengaruh dan kedudukan dalam masyarakat tempatan. Temubual yang dirancang adalah perlu bagi mengelakkan urusan atau aktiviti harian responden tidak terganggu dan boleh menjejaskan usaha pengkaji mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Dalam kategori ini pengkaji berkesempatan menemuramah ADUN N.17 Engkilili Sim Choo Nam dan beberapa orang Councillor Majlis Daerah Luar Bandar Engkilili.

b) Temubual Secara Tidak Langsung

Kaedah ini dilakukan secara spontan dan tidak formal dengan hanya sekadar membangkitkan beberapa soalan bertujuan untuk menghidupkan suasana dalam perbualan di antara pengkaji dan respondan. Kaedah ini ditujukan kepada orang biasa. Keadaan ini berlaku di rumah panjang dan kadang-kala di pekan. Di rumah panjang kaedah ini memang praktikal dilakukan. Mungkin menjadi kaku atau suatu keanehan jika dilakukan temubual secara langsung (directed interview) ke atas komuniti rumah panjang. Di rumah panjang sudah menjadi kelaziman perbualan atau 'berandau' diruang rumah panjang. Kesempatan ini diambil oleh pengkaji bagi mendapatkan

pandangan serta maklumat dari komuniti rumah panjang mengenai perkembangan politik di Engkilili.

### iii) Kajian Kepustakaan

Untuk menyiapkan sesuatu kajian yang dianggap agak lengkap memerlukan seberapa banyak data atau maklumat mengenai masalah yang dikaji. Maklumat yang diperolehi semasa kerja lapangan, walaupun dianggap paling penting dan 'first hand' tetapi ianya tidak mencukupi untuk mengesahkan dan melengkapkan sesuatu kajian. Oleh itu pengkajian tetap mementingkan kajian kepustakaan sebagai salah satu kaedah kajian. Kajian kepustakaan juga penting untuk mendapat rujukan dari kajian-kajian yang pernah dilakukan. Hakikat ini memang dipentingkan dalam perkembangan keilmuan, di mana usaha untuk menyemak, membaiki dan mengkritik karya-karya atau kajian awal merupakan suatu usaha yang digalakkan. Pada peringkat ini pengkaji menggunakan beberapa teks kajian, akhbar majalah yang relevan dengan persoalan politik. Kaedah ini akan menentukan kajian yang dilakukan adalah bersifat akademik dan seterusnya membezakan tafsiran yang sering terdapat dalam buku-buku politik sisipan.

### 5) Kesulitan

Persolan politik merupakan sesuatu yang subjektif dan sensitif kehadiran pengkaji yang berminal dengan politik tempatan agak mencurigakan sesetengah pihak. Keadaan ini semakin jelas bila Kawasan undi N.17 Engkilili dikuasai oleh PBDS yang merupakan parti pembangkang dalam Dewan Undangan

## BAB 2 : Konsep

Dalam penulisan kajian ini, pengkaji akan menggunakan beberapa konsep yang didapati dalam disiplin-siplin sains sosial terutama sekali antropologi/sosiologi dan sains politik. Kedua-dua disiplin tersebut banyak membantu dalam memahami serta menjelaskan fenomena-fenomena yang terdapat dalam masyarakat, termasuk hal-hal yang berkaitan dengan politik. Diharapkan penggunaan konsep dan teori yang relevan dapat membantu menjelaskan dengan lebih tepat lagi fakta-fakta yang hendak dipertengahan.

### 1) Politik

Politik selalu dihubung-kaitkan dengan institusi-institusi seperti parlimen, pilihanraya, perlembagaan dan pembentukan kerajaan. Walau bagaimana pun, politik mempunyai pengertian yang lebih luas dan sukar diberi definisi yang tepat dan dapat memuaskan semua pihak. Masalah ini timbul disebabkan perbezaan pendapat dikalangan ahli-ahli sains sosial yang terdiri dari disiplin-disiplin yang berbeza. Misalnya ahli-ahli sains politik cuma menggaitkan politik dengan hal-hal yang lebih formal dan jelas sifat politiknya. Manakala ahli-ahli sosiologi membuka perbincangan politik kepada hal-hal yang bukan bersifat politik tetapi mempengaruhi perlakuan politik seperti kekeluargaan.

Maurice Duverger mendefinisikan politik sebagai;

"...both a conflict between individual and groups for the acquisition of power, which the victors use to the advantage at the expense of the vanquished and an attempt to establish a social order beneficial to all constitutes..."(Duverger 1972:19).

Berdasarkan definisi tersebut, politik merupakan persaingan mendapatkan kuasa bagi mengubah atau mengkekalkan status quo 'social oder'. Politik hanya wujud bila terdapat sekurang-kurangnya dua pihak yang berlainan pendapat yang memungkinkan persaingan. Sementara itu, ideologi yang dianuti oleh sesebuah negara akan menentukan corak persaingan tersebut. Negara yang mengamalkan sistem demokrasi membenarkan persaingan secara terbuka. Sebaliknya keadaan ini tidak berlaku dalam negara yang mengamalkan sistem sosialis dan komunis.

## 2) Local-level politics

Istilah 'local-level politics' digunakan dalam antropologi politik bagi merujuk kegiatan-kegiatan politik bawahan. Sebaliknya dalam sains politik ianya dikenali sebagai ;micro level'. Definisi 'local-level politics' yang dikemukakan oleh Marc J. Swartz pada umumnya diterima oleh pengkaji politik misalnya, Judith Vitian Strauch (1975).

Menurut definisi Swartz;

"local-level politics occurs in communities where relations are multiplex rather than simplex and where politics is incomplete in the sense that actors and groups outside the range of the local, multiplex relations are vitally and directly involved in the political processes of the local group" (Swartz 1968:1).

Swartz juga menegaskan bahawa 'local-level politics' harus dibezakan dengan 'local politics' kerana kedua-dua mempunyai maksud dan pola-pola hubungan yang berlainan. Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Swartz, 'local-level politics' merujuk kepada hubungan dan perkembangan politik dalam satu komuniti di suatu tempat yang khusus. Ianya juga tidak mementingkan isu-isu serta penglibatan secara langsung kumpulan atau individu dari luar kawasan komuniti tersebut. Dengan erti kata lain ianya terpencil (isolated) dari perkembangan luar. Bagaimanapun, dalam konteks politik di Malaysia yang dianggap bersifat 'centralized' definisi yang diberikan oleh Swartz agak kurang tepat. Kalau diperhatikan 'local-level politics' sering dipengaruhi oleh peringkat politik yang lebih tinggi terutama diperingkat nasional. Keadaan ini semakin ketara apabila sesebuah negara itu bercita-cita membentuk atau mencapai taraf negara 'nation'. Oleh itu hubungan politik yang berlaku merupakan suatu negara dua hala dan melengkapi di antara satu dengan lain.

### 3) Ideologi politik

Sesebuah parti politik mempunyai corak perjuangan dan matlamat yang tersendiri. Ianya ditentukan oleh ideologi yang dipegang bersama. Dengan demikian ideologi merupakan alat utama dalam pergekan politik sebagai fahaman atau pegangan falsafah politik yang diperjuangkan oleh parti politik. Secara kasar ideologi ditafsirkan sebagai suatu sistem idea, pendapat dan kepercayaan. Ianya dianggap sebagai

'base structure' tempat tertegaknya sebuah parti politik. Ideologi akan mengikat anggota-anggota parti politik bagi menggelak atau mengurangkan berlakunya 'faction' dan cita-cita dan nilai yang menjadi strategi yang khusus dalam kegiatan parti politik. Mengikut Gould dan Kolb, „ideologi dikaitkan dengan;

"...a pattern of beliefs and concepts (both factual and normatif) which purport to explain complex social phenomena with a view to directing and simplifying socio political choices facing individuals and groups" (Ashford 1972:25)

Berdasarkan pengertian tersebut jelas menunjukkan ideologi merupakan alat panduan yang menentukan arah tujuan sesuatu pergerakan politik. Ideologi sangat penting bagi keteguhan parti politik. Ia dianggap sebagai tenaga yang dapat mengikat setiap ahli untuk mencapai objektif tertentu. Dengan itu dapatlah ditegakkan, bahawa ideologi merupakan pegangan asas satu-satu perjuangan politik yang dijadikan panduan yang dijadikan panduan segala aktiviti parti politik.

Hakikat bahawa ideologi merupakan satu alat panduan dalam perjuangan politik tidak dapat dinafikan, kerana melaluiinya anggota-anggota yang terlibat dapat mengetahui peranan masing-masing dalam 'survival' politik. Robert L. Card menjelaskan ideologi sebagai;

"... a set of attitudes about political behaviour both on international and domestic levels ... it's deals with such question as who should rule, how ruler should be chosen and by what principle they should be given ..." (Card 1974:8)

Dari sudut yang lain, ideologi politik sebenarnya berkait rapat dengan soal corak pemerintahan dan seterusnya menentukan corak perlakuan politik. Di Sarawak, sentimen mengenai ideologi politik di kalangan parti-parti politik tidaklah begitu jelas. Kecuali SUPP pada suatu masa pernah dianggap berpegang kepada ideologi sosialis. Dakwaan ini mungkin sukar dinafikan apabila SUPP dikuasai oleh golongan kiri terutama belia-belia yang terlibat dengan CCO.

#### 4) Parti politik

Parti politik merupakan salah satu unsur yang diminati dan terpenting dalam politik moden. Kepentingan parti-parti politik semakin jelas dalam negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang membenarkan persaingan secara terbuka bagi memperolehi kuasa. Sementara itu, persaingan tersebut kebanyakannya berbentuk kolektif dan menjadikan parti politik sebagai 'platform' bagi mencapai matlamat politik.

Pada umumnya parti politik diertikan:

"A body of voters organized for the purpose of influencing or controlling the policies and conduct of government through the nomination and, if possible, the election of its candidates to office...." (Smith and Zurcher 1965:281).

Definisi yang dibuat oleh Smith dan Zurcher mempunyai persamaan dengan pendapat J. Lapalombra dan M. Weiner yang menganggap parti politik sebagai;

"A political party is a formal organization whose self conscious, primary purpose is to place and maintain in public office who will control, alone or in coalition the machinery of government".  
(lapalombra dan Weiner 1966:3-6)

pertubuhan sosial mengisyiharkan kedudukan masing-masing dibawah Akta Pertubuhan.

Parti politik juga merupakan sebuah gerakan sosial yang bertindak secara kolektif dan menyeluruh dalam sesebuah masyarakat. Mengikut Duverger;

"A party is not a community but a collection of communities a union of small groups dispersed throughout the country (branches, caucuses, local associations, etc.) and linked by co-ordinating institutions" (Duverger 1967:17).

Dengan itu parti politik digerakkan oleh sekumpulan kecil anggota masyarakat tetapi tidak dinafikan mempunyai implikasi yang besar ke atas masyarakat. Ini disebabkan parti-parti politik ditubuhkan atas alasan menjaga kepentingan komuniti malah etnik tertentu. Di Malaysia keadaan tersebut mewujudkan satu bentuk politik perkauman.

### 5) Penyertaan politik

Penyertaan politik umumnya difahamkan sebagai penglibatan individu atau secara berkumpulan dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan politik. Tafsiran sebegini sebenarnya hanya mengsyorkan darjah penglibatan politik secara langsung saja. Sebaliknya maksud penyertaan politik perlu dilihat dalam bentuk yang lebih luas. Terdapat beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli sains sosial berkaitan dengan konsep penyertaan politik ini.

Michael Rush dan Phillip Althoff berpendapat;

"political participation is involvement of the individual at various level in the political system. Political activity may range from non-involvement to office-holding. Because political participation varies from one society to another,

and because it varies with particular societies it is important to examine the concepts of political apathy and alienation and their role in non-involvement and limited involvement. It's also important to stress that, participation, may also important to stress that, participation including the highest level—that holding various type of office—which involves the process of political recruitment" (Rush and Althoff 1971:14).

Berdasarkan kenyataan tersebut, konsep penyertaan politik mempunyai maksud yang berlainan di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sikap 'apathy' terhadap politik tidak semestinya mengambarkan ketiadaan penyertaan politik dalam sesebuah masyarakat itu. Menurut Lapalambora; "Political participation, then is embedded in specific and different kinds of cultural situation that deepiy it self..... important contextual factors would include the structure of political institution, the amount of freedom available to form and political parties, and the amount of effective power located at the nation's center". (Lapalambora 1974:424)

penyertaan politik dipengaruhi oleh budaya dan kebebasan yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Misalnya dalam sebuah negara yang berpegang teguh dalam sistem monarki pada amnya tidak mengizinkan rakyat biasa terlibat dalam soal-soal pemerintahan yang berkait rapat dengan politik. Begitu juga dengan sistem pemerintahan sosialis dan komunis yang menghadkan kebebasan bersuara tidak menggalak malah membataskan penyertaan politik di kalangan rakyat biasa. Kedua-dua keadaan tersebut sebaliknya akan menentukan corak penyertaan politik dalam masyarakat tersebut. Bentuk penyertaan politik yang dijelaskan mungkin tidak dirasai atau difahami oleh masyarakat ~~politik berdasarkan~~ luar. Milbarth mengariskan tiga peringkat utama bentuk penyertaan

politik berdasarkan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti politik (Milbarth 1965:18);

- i) Gladiator activities.
- ii) Transitional activities.
- iii) Spectator activities.

pembahagian yang dibuat oleh Milbarth dalam melihat penyertaan politik memang berguna untuk menganalisa darjah keaktifan penyertaan politik dalam sesebuah masyarakat. Tetapi perlu dijelaskan di sini bahawa penyertaan politik tidak semestinya hanya tertumpu semasa pilihanraya sahaja. Walaupun pilihanraya merupakan satu cara yang sah bagi seseorang itu menggunakan peluang dan haknya dalam mempengaruhi keputusan politik. Maka tafsiran dan pembahagian yang dibuat oleh Milbarth mengenai penyertaan politik seolah-olah mengandaikan penyertaan politik suatu fenomena yang tidak mempunyai sebarang dimensi (Verba 1978:52).

Penyertaan politik dirangsang oleh berbagai faktor seperti ekonomi, sosio-budaya dan agama. Hanya melalui kuasa politik sahaja sesebuah masyarakat itu dapat menentukan 'survival' aspek-aspek berkenaan. Maka penyertaan politik merupakan suatu landasan bagi mencapai objektif tersebut.

Penyertaan politik juga dianggap sebagai;

"legal activities by private citizens that are more or less directly aimed at influencing the selection of governmental personnel and or the action they take". (Verba 1978:46)

Oleh itu penyertaan politik merupakan suatu tindakan atau aktiviti yang dianggap sah bagi mempengaruhi segala aspek yang berkaitan dengan politik. Bagaimanapun maksud sah dalam kenyataan tersebut mempunyai implikasinya tersendiri, kerana politik adalah suatu keadaan yang melibatkan persaingan di antara berbagai pihak. Maka maksud sah kadang-kala merupakan suatu taktik dalam permainan politik.

#### 6) Political Middleman

Pada abad ke 20, kebanyakan negara terutama yang baru muncul berusaha menegaskan sebuah kerajaan nasional yang kukuh dengan memusatkan (centralized) segala aktiviti dan arah perkembangan politik. Berdasarkan cita-cita ini, kerajaan negara-negara yang terlibat berusaha menjangkau serta memperluaskan pengaruh ke peringkat 'grass roots'. Perlaksanaan strategi ini sebenarnya mengalami masalah dari segi komunikasi yang menyebabkan wujudnya vakum diantara kerajaan dan 'grass roots'. Bagi mengatasi masalah tersebut, kerajaan memerlukan khidmat golongan yang dianggap sebagai 'political specialist' yang dapat menjadi perantaraan kepada kedua-dua pihak. Ahli-ahli antropologi mengelarkan golongan ini sebagai 'political middleman' atau sesetengah pihak menganggapnya 'broker'. 'Political middleman' disifatkan sebagai;

"...the man who interrelates and articulates the needs, aspiration, resources and traditions of his local village or tribe to the corresponding demands, supplies resources, and jural oder of the province and the nation." (Swartz 1968:199-200)

Berdasarkan pandangan tersebut 'political middle' bertanggung-jawab menghubungkan golongan 'grass roots' dengan peringkat yang lebih tinggi. Kebiasaannya 'political middleman' terdiri dari pemimpin-pimpinan trasidi yang mempunyai kedudukan dan pengaruh diperingkat 'grass roots'. Oleh itu autoriti dan pengaruh 'political middleman' bergantung sepenuhnya dengan sistem budaya yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat. Swartz menambah lagi;

"The diversity and multiplicity of middleman's role are often combined with and operate primarily through the social ties of friendship and kinship (including ceremonial kinship) while avoiding or at least not seeking formal office." (Swartz 1968:200)

Dengan demikian 'political middleman' mempunyai ikatan sosial yang kukuh dengan penduduk-penduduk tempatan. Maka secara tidak langsung mendapat kepercayaan daripada mereka. Oleh sebab inilah pihak atasan memerlukan khidmat 'political middleman' untuk melaksanakan cita-cita mereka MENGAWAL ARAH tujuan politik peringkat 'grass roots' supaya selari dengan matlamat politik di peringkat pusat. Di Malaysia, peranan 'political middleman' semakin penting dan berkembang dengan tujuan mempengaruhi golongan 'grass roots', kerana pengaruh tersebut amat besar maknanya keatas keputusan politik di peringkat pusat.

## BAB 3

### Bab 3 : Parti-parti politik Sarawak 1962 -1987

#### 1) Penubuhan parti-parti politik di Sarawak.

Parti politik yang merupakan sebahagian daripada ciri-ciri politik moden adalah sesuatu yang baru kepada rakyat Sarawak. Penubuhan parti-parti politik sebahagian besarnya bertujuan untuk menghadapi pilihanraya yang diadakan pada 1963. Sarawak pernah mengadakan pilihanraya Majlis Daerah pada tahun 1959. Keadaan ini bertepatan dengan pendapat Duverger yang menghubung kaitan asal-usul penubuhan parti-parti politik dengan kemunculan parlimen dan penambahan jumlah bilangan pengundi (Durverger 1967).

Salah sebuah parti politik yang terawal ditubuhkan di Sarawak ialah Sarawak United People's Party (SUPP) pada June 12, 1959. Pada dasarnya SUPP mendapat sokongan dari masyarakat Cina. Ketiadaan parti-parti politik selepas Perang Dunia Kedua, telah memberi peluang kepada penubuhan Cladistine Communist Organisation (CCO) pada 1954 (Leigh 1964:49). Penubuhan SUPP yang mulanya bertujuan mengisi kekosongan ini sebaliknya telah diserap dan dikuasai oleh anggota-anggota CCO. Penguasaan ini menyebabkan SUPP terheret menjadi parti yang berhaluan kiri dari 1959 - 1970. Ong Kee Hui dan Stephen Yong merupakan pengasas SUPP dan masih aktif dalam politik sehingga ke hari ini.

Parti Negara Sarawak (PANAS) adalah parti politik yang kedua ditubuhkan di Sarawak. Ianya didaftarkan pada April 6, 1960 dan diasaskan oleh Dato Bandar Abg. Haji Mustapha. Kemunculan PANAS boleh disifatkan sebagai reaksi penduduk peribumi ke atas kebangkitan politik dan ekonomi masyarakat Cina di Sarawak pada ketika itu. Kebanyakan ahli-ahli PANAS pernah berkhidmat dalam perkhidmatan awam Sarawak semasa pemerintahan Brooke dan dianggap pro-British (Roff 1973:120). Walaupun PANAS menonjolkan imejnya sebagai sebuah parti 'multi racial' tetapi jelas didominasi oleh orang-orang Melayu.

Sarawak National Party (SNAP) didaftarkan pada April 10, 1961. Diasaskan oleh Stephen Kalong Ningkan, J.S. Tinker, Edward Howell dan Lionell Bediman. SNAP mendapat sokongan dari suku kaum Iban terutama dari Saribas bahagian kedua Sarawak, menyebabkan ianya dikenali sebagai "Party Saribas" (Searle 1983:85). Dari tahun 1963 hingga 1976, SNAP merupakan sebuah parti yang berpengaruh di Sarawak.

Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) merupakan sebuah lagi parti politik yang beasaskan sokongan dari kaum Iban terutama dari bahagian ke tiga Sarawak. PESAKA diasaskan oleh beberapa penghulu dan dipimpin Temenggong Jugah Bareng pada Ogos 1962.

Sarawak Chinese Association (SCA) ditubuhkan pada Julai 1962 oleh golongan menengah Cina yang berpendidikan Inggeris. Penubuhan SCA bertujuan memberi alternatif kepada masyarakat Cina di samping SUPP yang cenderung kepada

fahaman kiri. Parti politik ini diterajui oleh William Tan dan Ling Beng Siew.

Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA) didaftarkan pada 1961. Ianya diasaskan oleh Abdul Rahman Yakub, Abdul Taib Mahmud dan Abg. Han bin Abg. Ahmad. BERJASA ditubuhkan di Sibu merupakan reaksi rasa tidak puashati terhadap PANAS yang dikuasai oleh golongan aristokrat di Kuching (Roff 1973:126). Parti politik ini mendapat sokongan terutama sekali dari Melayu-Melanau.

Parti bangsa Dayak Sarawak (PBDS) sebuah lagi parti yang berdasarkan sokongan suku kaum Iban didaftarkan pada Julai 1983. Penubuhan PBDS disebabkan sebilangan ahli SNAP yang keluar dari parti politik tersebut kerana tidak berpuas hati dengan kepimpinan James Wong sebagai presiden SNAP (Jawan 1987:34). PBDS diterajui oleh Leo Moggie dan Daniel Tajem. PBDS merupakan satu-satunya parti pembangkang di peringkat negeri Sarawak dan menyertai BN di peringkat kerajaan pusat.

Persatuan rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS) ditubuhkan pada tahun 1986 oleh sekumpulan ADNU PBB yang keluar dari parti tersebut. PERMAS didaftarkan secara rasmi pada Mac 20, 1987 di mana Abdul Rahman Yakub sebagai presiden parti (The Star Mac 23, 1987). PERMAS merupakan sebuah parti pembangkang di negeri Sarawak.

Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) ditubuhkan pada 1973 hasil daripada gabungan PESAKA dan BUMIPUTERA. Sebelum itu pada November 1966, PANAS dan BERJASA membentuk BUMIPUTERA.

Temenggong Jugah Bareng di lantik sebagai presiden, sementara Abdul Taib Mahmud sebagai naib presiden (Searle 1983:151) PBB dianggap sebagai 'patron' dalam BN negeri Sarawak. Semenjak 1981, kempimpinan PBB diambil-alih oleh Abdul Taib Mahmud. Walaupun PBB mendakwa mewakili semua peribumi di Sarawak, tetapi jelas PBB dikuasai oleh orang-orang Melayu-Melanau.

2) Pilihanraya Negeri Sarawak (1963 - 1987):

Penduduk negeri Sarawak mengalami pengalaman proses pilihanraya yang pertama semasa Pilihanraya Majlis Daerah pada tahun 1959. semenjak mencapai kemerdekaan melalui Malaysia, Sarawak pernah mengadakan pilihanraya negeri sebanyak enam kali. Pilihanraya negeri pada 1969 terpaksa dibatalkan kerana rusuhan kaum di Kuala Lumpur. Kali terakhir pilihanraya negeri diadakan serentak dengan pilihanraya Parlimen ialah pada tahun 1974.

Pilihanraya pada tahun 1963, diadakan bagi menubuh kerajaan negeri Sarawak yang merdeka melalui Malaysia. Pilihanraya tersebut tidak diadakan mengikut kawasan undi seperti yang ada sekarang yang mengandungi 48 buah kawasan undi. Ianya mengikut corak pilihanraya yang diadakan pada 1959 dan menawarkan 429 kerusi Majlis Daerah bagi dipertandingkan (Leigh 1988:50). Proses penubuhan awal kerajaan negeri Sarawak adalah berdasarkan 'tiered electoral system'. Proses pemilihan wakil ke Council negeri melalui tiga peringkat iaitu, bermula dari 'District Council' kepada

'Divisional Advisory Council' dan akhirnya ke Council Negeri. Pemilihan wakil adalah bergantung kepada ahli parti-parti yang bertanding. Melalui pembahagian ini Perikatan Sarawak yang terdiri dari BERJASA, SCA, PESAKA dan SNAP mempunyai 23 kerusi di Council Negeri.

Jadual 3.1 :

Party Representation In The Tiers Of Government

	SUPP	PANAS	Alliance	Independents
Vote at District Council election	24.5%	15%	30.5%	50%
District Councillors	27%(116)	14%(59)	32%(138)	27%(116)
Division Advisory Councils (elected members)				
Council Negeri (elected members).	4%(5)	14%(5)	64%(23)	8%(3)
Malaysian House of Representatives (Sarawak representatives)	12.5%(3)	12.5%(3)	71%(17)	4%(1)

Sumber : Michael B. Leigh, "The Chinese community of Sarawak", (University of Singapore Studies On Malaysia, No.6, 1964), p.55.

Pilihanraya 1970 diadakan apabila Pilihanraya Negeri 1969 yang serentak dengan Pilihanraya Parlimen dibatalkan kerana rusuhan kaum di Kuala Lumpur. Pilihanraya 1970 merupakan titik penting dalam sejarah politik Sarawak kerana di waktu inilah bermulanya penguasaan etnik Melayu-Melanau dalam kerajaan Sarawak. Sementara itu SUPP yang mulanya sebuah parti pembangkang telah menyertai kerajaan Sarawak. SUPP menerima bilangan undi yang terbanyak iaitu 76,196 undi dan memenangi 12 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak. Sementara PESAKA memenangi 8 kerusi berbanding dengan SNAP 12 kerusi.

**Jadual 3.2 :**

Pilihanraya Sarawak 1970

	Jumlah undi (Council Negeri)	Peratus undi (Council Negeri)	Kerusi dimenangi (Council Negeri)	Wakil ke Parlimen
BUMIPUTERA	36,992	14.7	12	5
PESAKA	34,351	13.7	8	2
SCA	26,676	10.7	3	2
SUPP	72,196	28.9	12	5
SNAP	61,210	24.5	12	9
Bebas	19,108	7.6	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>250,533</b>	<b>100.0</b>	<b>48</b>	<b>24</b>

Sumber: Margaret Florence Roff, "Political Change In East Malaysia 1962 - 1972: Organisation, Mobilisation And Incorporation." Ph.D Thesis, Columbia University, 1973.

Pilihanraya 1974, membawa perubahan yang besar kepada SNAP sekurang-kurang dari segi kepimpinan parti. Walaupun berjaya menambah bilangan kerusi dari 12 kerusi pada pilihanraya 1970 kepada 18 kerusi pada pilihanraya 1974, Presiden parti Stephen Kalong Ningkan tewas kepada Alfred Jabu Numpang (PBB - BN) di N.20 Layar. Pilihanraya 1974 menyasikan kemunculan tokoh-tokoh baru SNAP seperti Leo Moggie dan Daniel Tajem. Sementara SUPP masih mengekalkan kedudukan kerusi yang dimenanginya pada pilihanraya 1970 sebanyak 12 kerusi. Sebuah parti baru yang cuba menjadi wakil suku kaum Bidayuh iaitu BISAMAH tidak mendapat sokongan dari suku kaum tersebut.

**Jadual 3.3 :**

Keputusan Pilihanraya Negeri Sarawak 1974

<u>Parti</u>	<u>Kerusi dimenangi</u>
PBB (BN)	18
SUPP (BN)	12
SNAP	18
BISAMAH	0
	48

---

Sumber: Peter Searle, 1983. "Politics in Sarawak 1970 - 1976: The Iban Perspective", Oxford University Press, New York.

Pilihanraya negeri 1983 sebenarnya lebih berupa satu cabaran dan ujian kepada perpaduan politik BN negeri Sarawak

yang terdiri dari PBB, SUPP, dan SNAP. Ketegangan dalam BN negeri Sarawak berlaku bila SNAP enggan menerima PBDS sebagai anggota BN. Abdul Taib Mahmud selaku pengurus BN negeri Sarawak menubuhkan 'BN Govt. Plus' sebagai langkah membawa PBDS menjadi anggota BN secara tidak rasmi. Dalam pilihanraya ini SNAP dan PBDS bertanding dengan menggunakan lambang parti masing-masing dan bukannya lambang BN.

Dalam pilihanraya ini juga memperlihatkan bagaimana parti-parti komponen BN berusaha mencuri Kawasan Undi yang dikuasai oleh SNAP dan PBDS yang menghadapi kekecohan dalam parti dan meletakan calon bebas tajaan mereka. Ini terbukti dengan nyata bila terdapat sebanyak 79 orang calon bebas bertanding. Jumlah ini merupakan bilangan yang terbesar semenjak pilihara 1970.

Dari keputusan pilihanraya tersebut, PBB berjaya menambah bilangan kerusinya kepada 19 kerusi, SUPP 11 kerusi, SNAP 8 kerusi dan PBDS 6 kerusi. Sementara calon bebas mendapat 4 kerusi dan 79 calon yang bertanding. DAP pula gagal mendapat sokongan terutamanya dari pengundi-pengundi Cina kawasan bandar.

Jadual 3.4 :

Bilangan calon yang bertanding

<u>Parti</u>	<u>Bilangan Calon</u>
SUPP	12
PBB	20
SNAP	18

PBDS	14
DAP	7
Bebas	79
Jumlah	150

Sumber : Jayum A. Jawan, "Pilihanraya Sarawak 1983: Satu Tinjauan", dalam Ilmu Masyarakat, January/Jun 1984, Terbitan Persatuan Sains Sosial Malaysia.

**Jadual 3.5 :**

Keputusan Pilihanraya 1983

<u>Parti</u>	<u>Kerusi dimenangi</u>
PBB	19
SUPP	11
SNAP	8
PBDS	6
DAP	0
Bebas	4
	48

Sumber: The Star, December 31, 1983

Kali terakhir Sarawak mengadakan pilihanraya negeri pada 1987. Tanya diadakan secara mengejut ekoran cubaan anggota DUN dari PBB dan PBDS membentuk Kumpulan MAJU untuk menggulingkan kerajaan pimpinan Abdul Taib Mahmud. Pilihanraya negeri 1987, dianggap pertandingan yang paling sengit dalam sejarah politik Sarawak. Keputusan pilihanraya ini menunjukkan seolah-olah politik di Sarawak semakin bersifat perkauman.

Misalnya PBDS memenangi 15 kerusi di kawasan undi majoriti pengundi dari suku kaum Dayak terutama Iban. PBB yang memperolehi 14 kerusi gagal menguasai kawasan undi berkenaan. Sementara SUPP mendapat sokongan padu dari pengundi-pengundi Cina dengan memenangi 11 kerusi. Pengundi-pengundi nampaknya masih berpuas hati dengan SUPP dan menolak kemunculan DAP di Sarawak. SNAP satu-satunya parti politik 'multiracial' yang menghadapi krisis kepimpinan sejak 1983 semakin tersepit dan semakin pupus pengaruhnya dalam politik Sarawak. SNAP hanya memperolehi 3 kerusi dari 14 calon yang bertanding.

Jadual 3.6 :

Pembahagian kerusi dalam pilihanraya 1987

	Barisan Nasional	Kerusi dipertanding	Kerusi dimenangi
PBB :	Kawasan undi Melayu Kawasan undi Iban Kawasan undi K/K/K Kawasan undi Bidayuh	14 6 2 1	10 2 1 1
		23	14
SUPP :	Kawasan undi Cina Kawasan undi Iban Kawasan undi Bidayuh	8 4 2	8 2 1
		14	11
SNAP :	Kawasan undi Iban Kawasan undi Bidayuh Kawasan undi K/K/K Kawasan undi Melayu	7 2 1 1	1 1 0 1
Kumpulan MAJU			
PBDS :	Kawasan undi Iban Kawasan K/K/K Kawasan undi Bidayuh	15 2 4	11 2 2

Permas : Kawasan undi Melayu	15	4
Kawasan undi Iban	2	1
Kawasan undi K/K/K	1	0
Kawasan undi Bidayuh	1	0
Kawasan undi Cina	2	0

Petunjuk

K/K/K - Kayan / Kenyah / Kelabit

---

Sumber: The Star, April 17 - 18, 1987.

**Jadual 3.7 :**

Klasifikasi Kawasan Undi

Kawasan undi	Peratus taburan mengikut kumpulan etnik:				
Iban-17 kerusi : Iban Bidayuh Melayu/Melanau Cina K/K/K Lain-lai					
Lingga (N.15)	71	-	22	8	-
Sri Aman (N.16)	59	-	20	21	-
Engkilili(N.17)	86	-	2	12	-
Btg. Ai (N.18)	96	-	1	3	-
Layar (N.20)	71	-	19	10	-
Krian (N.22)	82	-	9	9	-
Igan (N.29)	51	-	21	28	-
Dundong (N.30)	81	-	2	16	-
Pakan (N.33)	99	-	-	1	-
Meluan (N.34)	95	-	-	5	-
Machan (N.35)	74	-	3	23	-
Ngemah (N.36)	94	-	1	5	-
Katibas (N.37)	93	-	3	4	-
Pelagus (N.38)	80	-	4	16	-
Baleh (N.39)	99	-	-	-	-
Tatau (N.44)	67	-	19	6	-
Kemena (N.42)	45	1	26	32	-
<b>Melayu/Melanau - 15 kerusi</b>					
Petra Jaya(N. 5)	9	-	75	13	-
Satok (N. 6)	2	-	73	24	1
Sebandi (N. 7)	11	-	76	13	-
Muara Tuang(N.8)	14	-	77	9	-
Semera (N.13)	19	-	72	8	-
Gedong (N.14)	41	-	51	8	-
Saribas (N.19)	23	-	73	4	-
Kalaka (N.21)	35	-	58	7	-
K. Rajang (N.23)	27	-	69	4	-
Mato-Daro (N.24)	14	-	82	4	-
Balingian (N.31)	40	-	50	10	-
Oya (N.32)	25	-	68	7	-
Subis (N.43)	40	-	45	14	1
Limbang (N.47)	-	-	40	22	38
Lawas (N.48)	2	-	46	12	39
<b>Cina - 6 kerusi</b>					
Padungan (N. 3)	2	-	4	94	-
Stampin (N. 4)	5	-	13	81	-
Batu Kawa (N. 9)	-	25	17	57	-
Repok (N.25)	23	-	1	75	-
Meradong (N.26)	38	-	13	49	-
Maling (N.27)	4	-	9	88	-
Seduan (N.28)	8	-	23	69	-
Miri (N.44)	9	-	19	69	-

Kayan/Kenyah/Kelabit - 3 kerusi

Belaga	(N.40)	1	-	-	2	93	-
Marudi	(N.45)	20	-	10	18	52	-
Telang Usan	(N.46)	-	-	-	3	97	-

Bidayuh - 5 kerusi

Lundu	(N. 1)	-	44	38	18	-	-
Tasik Biru	(N. 2)	1	62	9	28	-	-
Bengoh	(N.10)	2	60	2	36	-	-
Tarat	(N.11)	17	41	13	29	-	-
Tebakang	(N.12)	48	43	4	6	-	-

Sumber: Jayum A. Jawan, 1987, "The Sarawak State Election Of 1987: The Dayakism Factor", Kuala Lumpur.

3) Klasifikasi Kawasan Undi mengikut etnik/suku kaum.

Sarawak mempunyai 48 buah kawasan undi Dewan undangan negeri dan kebanyakannya kawasan undi ini jelas didominasi oleh etnik dan suku kaum tertentu, pengkaji menggunakan pembahagian yang dibuat oleh Jayum A. Jawan bagi mengenal pasti kawasan tersebut. Beliau membuat pembahagian secara kasar berdasarkan bilangan majoriti pengundi berdaftar etnik dan suku kaum tertentu dalam sesabuah kawasan undi.

Terdapat 17 kawasan undi yang dikenal pasti mempunyai majoriti pengundi berdaftar dari suku kaum Iban iaitu kira-kira 120,00 pengundi (The Star, April 7, 1987). 15 dari kawasan unidi ini mempunyai 59% - 99% pengundi suku kaum Iban. Pakan dan Baleh mempunyai 99% pengundi Iban. Sementara Engkilili merupakan di antara kawasan undi yang didominasi pengundi suku kaum Iban iaitu sebanyak 86%. Kawasan undi seperti ini didominasi sepenuhnya oleh pengundi suku kaum Iban dan persaingan dari pengundi etnik lain adalah kecil. Tetapi terdapat kawasan undi di mana peratus majoriti pengundi suku kaum Iban adalah lemah seperti Kemenan dan Igan. Pengundi-pengundi suku kaum Iban di sini terpaksa berkongsi kuasa dalam menentukan keputusan politik dengan pengundi-pengundi lain khususnya Melayu-Melanau dan Cina.

Etnik Melayu-Melanau adalah kedua terkuat dengan mempunyai 100,000 pengundi berdaftar dan menguasai 15 kawasan undi di mana etnik Melayu-Melanau merupakan pengundi majoriti. Dari 15 kawasan undi tersebut, 11 kawasan undi

mempunyai di antara 51% hingga 82% pengundi Melayu-Melanau. Peratus terbesar terdapat di Mato-Daro iaitu 82%. Di samping itu terdapat 3 kawasan undi majoriti pengundi Melayu-Melanau di anggap lemah iaitu Limbang 40% Subis 45% dan Lawas 46%.

Etnik Cina merupakan ketiga kuat yang mempunyai 150,000 orang pengundi berdaftar tetapi hanya menguasai 8 kawasan undi di mana pengundi etnik Cina adalah majoriti. 7 dari kawasan undi tersebut memperlihatkan peratus pengundi etnik Cina di antara 68% hingga 94%. Peratus pengundi etnik Cina yang tertinggi terdapat di Padungan iaitu 94%. Sementara kawasan undi majoriti pengundi etnik Cina yang terendah di Maling 49%.

Suku kaum Bidayuh pula memperlihatkan sebagai pengundi majoriti di 5 kawasan undi. Terdapat kira-kira 40,000 pengundi Bidayuh yang berdaftar (The Star, April 7, 1987.) Kawasan undi Tasik Biru dan Bengoh merupakan kawasan undi majoriti pengundi suku kaum Bidayuh yang agak kuat iaitu di antara 60% hingga 62%. Sebaliknya terdapat 3 kawasan undi majoriti pengundi Bidayuh adalah lemah iaitu Lundu 44%, Tarat 41% dan Tebakang 43%.

Sementara suku kaum Orang Ulu yang terdiri dari Kayan, Kenyah dan Kelabit menjadi pengundi majoriti di kawasan undi Telang Usan 97% Belaga 93% dan Marudi 52%.

#### 4) Krisis dan pergolakan politik di Sarawak (1965 - 1987).

Kerajaan Perikatan Sarawak yang diketuai oleh Stephen Kalong Ningkan mengalami krisisnya yang pertama pada tahun

1965. Krisis ini lebih dikenali sebagai krisis 'Land Bill 1965'. Krisis ini berlaku dalam Kerajaan Perikatan Sarawak yang mengandungi SNAP, PESAKA, SCA dan BERJASA. Ianya berpunca dari ura-ura Stephen Kalong Ningkan hendak mengadakan undang-undang tanah yang membolehkan orang-orang Cina membeli tanah dari orang peribumi. Tujuannya untuk meningkatkan lagi ekonomi Sarawak di sektor pertanian. Sebelum ini tanah adat (native land) tidak boleh di jual kepada bukan peribumi. Halangan tersebut telah bermula sejak pemerintahan Brooke lagi. Langkah Stephen Kalong Ningkan ini mendapat tentangan dari BERJASA terutama sekali Abdul Taib Mahmud yang menganggap 'land bill' ini adalah satu langkah pro-Cina dan anti-peribumi (Roff 1973:222). Sementara itu beliau berjaya memujuk golongan muda dalam PESAKA dan BERJASA untuk menentang langkah tersebut. Stephen Kalong Ningkan mengambil tindakan memecat Abdul Taib Mahmud dari kabinetnya dan menyingkirkan Berjasa dari Perikatan Sarawak. Sebaliknya Abdul Taib Mahmud bertidak balas membentuk Perikatan Peribumi (Native alliance) yang terdiri dari BERJASA PESAKA dan PANAS. Perkembangan ini tidak disenangi oleh Kerajaan pusat lantas mengancam akan membatalkan peruntukan kewangan dari kerjaan pusat kepada Sarawak (Roff 1973:223). Ancaman ini memaksa Stephen Kalong Ningkan menerima kembali BERJASA dan PESAKA ke dalam Perikatan SARAWAK. Sementara itu diadakan pembentukan 'Land comitee' bagi mengkaji undang-undang tanah adat di Sarawak.

Selepas berakhirnya krisis 1965, Sarawak masih tidak stabil. Kedudukan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak hanya bergantung kepada sokongan Temenggong Jugah dari PESAKA, walaupun ramai ahli-ahlinya tidak berpuashati dengan Stephen Kalong Ningkan yang terlalu dikongkong oleh orang Cina (Leigh 1988:94). Beliau juga menunjukkan simpatinya terhadap Singapura yang menarik dari Persekutuan Malaysia. Malah dengan lantang mengecam campur tangan Kuala Lumpur dalam urusan politik Sarawak (Larson 1976:36). Semangat nasionalisme Sarawak yang ditunjukkan oleh Kalong Ningkan menyebabkan hubungan kerajaan Sarawak dengan Kuala Lumpur merosot. PANAS dan BERJASA berusaha menumbangkan Stephen Kalong Ningkan tetapi kedudukan mereka tidak begitu kuat. Perkembangan yang berlaku dalam PESAKA yang menunjukkan sikan anti-Ningkan memberi mereka peluang bertindak. Setiausaha Agong PESAKA, Thomas Kana berkerjasama dengan pemimpin BERJASA untuk menggulingkan Stephen Kalong Ningkan dari jawatannya (Roff 1973:228). Keadaan menjadi semakin genting apabila Stephen Kalong Ningkan memecat Abdul Taib Mahmud dari kabinet Sarawak. Serentak dengan itu beberapa Menteri dari BERJASA dan PESAKA meletakan jawatan pada June 13, 1966. Pakatan ini berjaya mendapatkan 21 tandatangan dari 32 anggota wakil kerajaan sebagai 'petition' bagi mendesak Stephen Kalong Ningkan meletakan jawatanya sebagai Ketua Menteri Sarawak (Larson 1976:32). Walau bagaimanapun 21 anggota tersebut bukanlah merupakan suara majoriti dalam 'Council' negeri yang mempunyai 42

ahli. Menyedari kelemahan ini mereka memulaukan persidangan 'Council' pada Jun 14, 1966. Tunku Abdul Rahman mendesak Ningkan meletakan jawatannya sebagai Ketua Menteri Sarawak mengikut Artikel 7(1) Pelembagaan Sarawak (Leigh 1988:102). Pada September 7, 1966 Mahkamah Tinggi Kuching mendapati pemecatan Stephen Kalong Ningkan tidak mengikut pelembagaan (*Ibid* :108). Menyedari keadaan ini kerajaan pusat mengistiarkan darurat di Sarawak pada September 15, 1966 atas alasan keselamatan dan melantik semula Tawi Sli sebagai Ketua Menteri Sarawak. SNAP mengambil keputusan keluar dari perikatan Kerajaan Negeri pada Julai 3, 1967.

Sarawak sekali lagi menghadapi masaalah selepas pilihanraya 1970. Keputusan yang didapati memberi keadaan yang terbuka kepada mana-mana parti untuk membentuk kerajaan. BUMIPUTERA, SUPP dan SNAP masing-masing memperolehi 12 kerusi dari 48 kerusi Council negeri. Kerajaan pusat bimbang SUPP, SNAP dan PESAKA akan menubuhkan kerajaan campuran dan akan memburukan lagi hubungan dengan kerajaan pusat. Lantaran itu kerajaan pusat menghantar Tun Abdul Razak, Syed Kechik dan Senu Abdul Rahman ke Kuching untuk mengadakan rundingan terutama dengan SUPP supaya menyertai Kerajaan campuran bersama BUMIPUTERA. SUPP menyedari inilah masa terbaik baginya membersihkan diri dari dianggap sebagai sebuah parti berhaluan kiri. Pada Julai 7, 1970 SUPP menyertai kerajaan campuran bersama BUMIPUTERA dan SCA. Kedudukan kerajaan campuran tersebut semakin teguh dengan penyertaan PESAKA pada Julai 8, 1970 (Vasil 1972:54).

Keadaan ini meninggalkan SNAP bersendirian sebagai parti pembangkang sehingga pada Mac 22, 1976 SNAP bersetuju menyertai BN.

Kemasukan SNAP ke dalam BN membawa keadaan yang tenang dalam politik Sarawak. Perubahan ini seolah-olah mengesahkan kebenaran kenyataan Tun Abdul Razak bahawa pembentukan BN bertujuan mengurangkan politiking di kalangan rakyat bagi membolehkan segala tenaga disalurkan ke arah pembangunan negara dan semua kaum (Diane Muazy 1983:71). tetapi ketenangan politik di Sarawak tidak berkekalan lama. Krisis kepimpinan SNAP pada tahun 1983 telah membawa masaalah yang lebih besar di peringkat negeri. Krisis SNAP bermula apabila presidennya Dunstan Endawie meletakan jawatan dan dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand pada tahun 1981. Perletakan jawatannya ini hampir serentak dengan masa perletakan jawatan Abdul Rahman Yakub sebagai ketua menteri Sarawak. Presiden SNAP yang baru James Wong tidak disenangi oleh sebahagian ahli-ahli SNAP terutama di peringkat tertinggi parti. Pada Jun 1983, Daniel Tajem telah dipecat dari SNAP keran dikatakan terlibat secara aktif menentang calon SNAP dalam pilihanraya perlimen 1982 (Review, July 21, 1983). Tindakan jawatan kuasa disiplin parti memecat Daniel Tajem tidak dipersetujui oleh kebanyakan ahli, lantas Leo Moggie bersama 3 MP 9 ADUN keluar dari SNAP dan menukuhkan PBDS (Review, December, 31, 1983)

-41-

SNAP menentang kemasukan PBDS ke dalam BN. Bagi mengatasi masalah ini Abdul Taib Mahmud membentuk 'BN Govt. Plus' bagi membolehkan PBDS menyertai BN negeri secara tidak rasmi. Tindakan ini tidak disenangi oleh James Wong dan hampir-hampir membawa SNAP keluar dari BN. Dalam pilihanraya negeri Sarawak 1983, SNAP dan PBDS menggunakan lambang parti masing-masing. Krisis di antara SNAP dan PBDS memberi peluang kepada SUPP dan PBB untuk merampas kawasan undi yang pernah dikuasai oleh SNAP dan PBDS. Hakikat ini memang menjadi lumrah politik kepartian di Sarawak, yang mempunyai parti-parti politik yang sentiasa mengancam satu sama lain walaupun terdiri dari anggota Perikatan (Vasil 1972:52). Misalnya SUPP terpaksa menghadapi saingan calon bebas yang ditaja oleh PBB di Begoh dan Lundu. Malah Abdul Taib Mahmud sendiri di tentang oleh calon bebas yang ditaja oleh SNAP di Sebandi.

Walaupun BN memenangi pilihanraya tersebut dengan penguasaan besar PBB yang memenagi 19 kerusi, tetapi keadaan politik Sarawak tidak terus tenteram terutama sekali di peringkat pemimpin. Krisis kekeluargaan di antara Abdul Taib Mahmud dengan bapa saudaranya Abdul Rahman Yakub telah membawa kepada krisis politik Sarawak pada tahun 1987. Krisis peribadi ini boleh di kesan pada tahun 1983, semasa perasmian Pelabuhan Bintulu di mana Abdul Rahman Yakub ketika itu sebagai TYT negeri Sarawak telah secara terbuka menyindir Abdul Taib Mahmud kerana kegagalan kerajaan pusat menyediakan peruntukan untuk beberapa projek di Sarawak

(Berita Harian, Mac 10, 1987). Abdul Taib mahmud juga tidak senang dengan tindakan Abdul Rahman Yakub mencampuri urusannya.

Menjelang Mac, 1987 suasa politik di Sarawak tidak menentu, walaupun tidak ada kejadian buruk berlaku yang boleh menjaskan kententeraman awam. Pakatan hendak menggulingkan Abdul Taib Mahmud semakin jelas apabila Abdul Rahman Yakub berkumpul bersama 32 ADUN dan MP di Ming Court Hotel di Kuala Lumpur (Utusan Malaysia Mac 10, 1987). Keesokannya 28 ADUN Sarawak mendesak Abdul Taib Mahmud meletakan jawatannya sebagai ketua Menteri. Mereka dikatakan tidak berpuas hati dengan kepimpinan Abdul Taib Mahmud yang terlalu memberi muka pada pemimpin Cina. Sementara PBDS mendakwa BN Negeri menganak tirikan suku kaum Dayak di Sarawak. Sebagai tindak balas Abdul Taib Mahmud membekukan lesen membalak ahli-ahli politik yang terlibat dalam cubaan menggulingkannya (Berita Harian Mac 11, 1987).

Abdul Taib Mahmud bertindak cepat mengadakan pilihanraya pada 15 - 16 April 1987. Stategi Abdul Taib Mahmud mempercepatkan tarikh pilihanraya dalam menghadapi PERMAS terbukti berkesan. Presiden PERMAS, Abdul Rahman Yakub tewas di kubu lamanya di Mato-Daro. Sementara 'General' PBDS Daniel Tajem gagal mempertahankan kerusinya di Lingga kepada pendatang baru Donald Lawan (SNAP-BN). Dalam pilihanraya ini keunggulan PBDS tidak dapat dinafikan dengan memenangi 15 kerusi bebanding dengan PERMAS 5 kerusi. PBB yang memenangi 14 kerusi gagal mendapat sokongan di

kawasan di mana majoriti pengundinya terdiri dari suku kaum Dayak. Sementara SUPP yang berusaha mempertahankan 'status quo' nya memperolehi 11 kerusi.

5) Latar belakang politik di kawasan undi Dewan Undangan negeri N. 17 Engkilili.

Engkilili merupakan sebuah kawasan undi di mana majoriti pengundinya terdiri dari suku kaum Iban, iaitu kira-kira 86%, berbanding dengan Cina 12% dan Melayu 2% dari sejumlah 7,382 pengundi berdaftar pada 1987. Berdasarkan peratus bilangan pengundi Iban yang tinggi ini memang diakui kekuatan suku kaum Iban dari segi 'electorate'. Mereka tidak bimbang kemungkinan adanya pesaingan dari kaum-kaum lain yang lebih kecil peratus pengundinya. Engkilili terletak juga dalam kawasan parlimen P.139 Lubuk Antu.

Di awal tahun 1960 an, semasa memucaknya konfrantasi Indonesia - Malaysia, Engkilili yang berhampiran dengan sempadan Kalimantan Indonesia dianggap sebagai "kawasan hitam". Kegiatan subversif komunis dengan bantuan penduduk tempatan khususnya Iban dan Cina bergerak cergas di kawasan ini. Suku kaum Iban pada ketika itu boleh di kira masih baru dalam politik kepartian, majoriti mereka menyertai SUPP yang mengembangkan cavangannya di Engkilili pada tahun 1960. pada ketika SUPP sering dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti subversif, menyebabkan sebahagian dari ahli-ahli SUPP dari suku kaum Iban turut disyaki terlibat sama dengan aktiviti-aktiviti tersebut. Akibat dari perkembangan ini, kerajaan

mengambil tindakan merampas senapang patah yang dimiliki oleh komuniti rumah panjang. Sehingga ke hari ini senapang-senapang tersebut belum dikembalikan lagi. Kegitan subversif sudah berakhir di bahagian ke dua Sarawak ekoran dari penyerahan dari Bong Khee Chok ketua Sarawak Communist Organisation pada tahun 1974.

Engkilili boleh disifatkan sebagai sebuah kawasan undi yang tidak stabil. Sejak dari tahun 1963 hingga 1987 parti-parti politik yang memenangi kawasan undi tersebut jarang-jarang dapat mempertahankannya lebih dari 2 penggal. PESAKA yang memenangi kerusi Engkilili sejak 1963 sehingga diambil alih oleh SNAP pada tahun 1974. Pada pilihanraya 1983, Engkilili bertukar tangan kepada calon bebas tajaan SUPP yang akhirnya menyertai PBDS pada tahun 1987. Berdasarkan pilihanraya 1983 dan 1987 pengundi suku kaum Iban menolak calon dari suku kaum Iban sendiri. Sebaliknya lebih suka memilih calon Cina iaitu Sim Choo Nam.

Sekarang ini Engkilili menjadi rebutan PBB, SUPP dan PBDS. SNAP yang pernah berpegaruh kuat di kawasan ini pada tahun-tahun 1970-an dikatakan sudah terkubur, tidak ada lagi cawangannya yang bergerak cergas untuk mempertahankan reputasi SNAP di kalangan pengundi. Ramai ahli-ahli komitinya telah memasuki sama ada PBDS, SUPP dan terbaharu sekali PBB. Tetapi PBB belum membuka cawangannya secara rasmi bagi mengelakan pertindihan dengan SUPP. Jelas sekali kawasan undi Dewan Undangan Negeri N.17 Engkilili merupakan

sebuah kawasan undi yang tidak stabil dan mendapat perhatian parti-parti politik di Sarawak untuk mengusainya.

**Jadual 3.8**

Senarai ADUN N.17 Engkilili 1963 - 1987

Simon Dembab Maja	- PESAKA	(1963 - 1970)
Simon Dembab Maja	- PESAKA	(1970 - 1974)
Nadeng Ak. Lingoh	- SNAP	(1974 - 1979)
Nadeng Ak. Lingoh	- SNAP	(1979 - 1981)
Jonathan Narwin	- SNAP	(1981 - 1983)
Sim Choo Nam	- SUPP	(1983 - 1987)
Sim Choo Nam	- PBDS	(1987 - ? )



Petunjuk:

- |                   |                |               |                  |
|-------------------|----------------|---------------|------------------|
| N.1 Lundu         | N.25 Repok     | N.26 Meradong | N.41 Tatau       |
| N.2 Bau           | N.27 Maling    | N.28 Seduan   | N.42 Kemana      |
| N.3 Padungan      | N.29 Igan      | N.30 Dudong   | N.43 Subis       |
| N.4 Stampin       | N.31 Balingian | N.32 Oya      | N.44 Miri        |
| N.5 Petra Jaya    | N.33 Paltan    | N.34 Meluan   | N.45 Marudi      |
| N.6 Satok         | N.35 Machan    | N.36 Ngemah   | N.46 Telang Usan |
| N.7 Sebandi       | N.37 Katibas   | N.38 Pelagus  | N.47 Limbang     |
| N.8 Muara Tuang   | N.39 Baled     | N.40 Belaga   | N.48 Lawas       |
| N.9 Batu Kawa     |                |               |                  |
| N.10 Bengoh       |                |               |                  |
| N.11 Tarat        |                |               |                  |
| N.12 Tebakang     |                |               |                  |
| N.13 Semera       |                |               |                  |
| N.14 Gedong       |                |               |                  |
| N.15 Lingga       |                |               |                  |
| N.16 Sri Aman     |                |               |                  |
| N.17 Engkilili    |                |               |                  |
| N.18 Batang Ai    |                |               |                  |
| N.19 Saribas      |                |               |                  |
| N.20 Layar        |                |               |                  |
| N.21 Kalaka       |                |               |                  |
| N.22 Krian        |                |               |                  |
| N.23 Kuala Rajang |                |               |                  |
| N.24 Matu Daro    |                |               |                  |
| N.25 Repok        |                |               |                  |

Fig. 3.9 : Kawasan Dewan Undangan Negeri Sarawak.

BAB 4: Latar belakang kawasan kajian penduduk dan sosial-budaya/ekonomi.

1) Kawasan kajian

Engkilili ialah sub-daerah dalam daerah Lubuk Antu yang meliputi kawasan seluas 2,339 KM persegi. Daerah Lubuk Antu mempunyai dua buah kawasan Undi Dewan Undangan Negeri. Iaitu N.17 Engkilili yang berpusat di Pekan Engkilili dan N.18 Batang Ai di Pekan Lubuk Antu. Pekan Engkilili terletak kira-kira 140 batu dari Tenggara Bandar raya Kuching. Kawasan ini disaliri oleh tiga buah batang sungai utama, iaitu Batang Ai di bahagian selatan, Batang Lupar di barat, Batang Lemanak di timur dan Batang Skrang di utara. (dalam bahasa lban batang bermaksud sungai) Pekan Engkilili mendapat namanya berdasarkan terletak di tebing Batang Ai yang dikenali sebagai Nanga Engkilili. Pekan Engkilili mula dibina oleh pelombong-pelombong Cina semasa pemerintahan Charles Brooke. Pelombong-pelombong Cina ini melombong emas di bukit Tiang Laju yang terletak di bahagian selatan Engkilili. Sesuai dengan tarafnya sebagai pusat pentadbiran kawasan Sub-daerah, Pekan Engkilili dilengkapi dengan beberapa kemudahan awam seperti Kelinik Desa, Pejabat Majlis Dearah Luar Bandar Engkilili, Pejabat Pos, Balai Polis, Pejabat Jabatan Pertanian, Pejabat KEMAS dan sebuah sekolah menengah. Untuk Kajian ini pengkaji hanya memilih tiga buah rumah panjang iaitu Bua, Menuang dan Merbong bagi tumpuan kajian. Terdapat kira-kira 54 buah rumah panjang di

sepanjang Batang Ai, Batang Lemanak dan Batang Lupar. Jumlah ini tidak termasuk yang terdapat di Batang Skrang.

## 2) Penduduk

Dalam kajian ini pengkaji lebih menumpukan perhatian kepada etnik Iban dan serba-sedikit etnik Cina. Walau pun tidak dinafikan kepentingan etnik lain seperti Melayu dalam politik N.17 Engkilili tetapi jumlah pengundi Melayu terlalu kecil untuk mempengaruhi sebarang keputusan politik di kawasan undi ini. Berdasarkan senarai pengundi yang digunakan dalam pilihanraya Negeri Sarawak 1987, N.17 Engkilili mempunyai 7,382 orang pengundi berdaftar terdiri dari 86% Iban, 12% Cina dan 2% Melayu. Menurut banci 1980, daerah Lubuk Antu mempunyai penduduk seramai 21,169 orang. Sementara komposisi penduduk terdiri dari Iban (17,769 orang), Melayu (794 orang), Melanau (25 orang), Bidayuh (85 orang), lain-lain kaum (66 orang). Kepadatan penduduk ialah 9 orang bagi satu kilometer persegi. Daerah Lubuk Antu menyumbangkan 1.6% dari keseluruhan penduduk negeri Sarawak. Berbanding dengan penduduk Melayu, pengkaji mendapati penduduk Cina yang relatif kecil bilangannya memainkan peranan yang penting dalam menentukan corak politik di Kawasan Undi N.17 Engkilili.

al 4.1 :

	<u>Penduduk dan taburan penduduk mengikut kumpulan etnik-Sarawak</u>			
	<u>Bilangan(000)</u>		<u>Taburan Peratusan</u>	
	1960	1970	1980	#1987
yu	129	181	258	319
nau	45	53	75	90
	238	303	396	460
yuh	58	84	108	130
<sup>2</sup> Bumiputera	38	51	69	83
	229	294	385	453
-lain	8	10	17	18
ah	745	976	1,308	1,553
				100.0
				100.0
				100.0
				100.0

\* Angka bagi tahun 1987 merujuk kepada anggaran pertengahan tahun.

Sumber: Siaran Perangkaan Tahun 1987 Sarawak, Jabatan Perangkaan Malaysia (Cawangan Sarawak).

### i) Latar belakang suku kaum Iban

Hengikut Hudson yang menggunakan pendekatan linguistik, suku kaum Iban dikategorikan dalam kompleks 'Malayic Dayak' kerana bahasa Iban mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu (Hudson 1970). James Brooke menggunakan istilah 'Sea Dayak' bagi merujuk suku Iban. Perkataan 'Iban' dipercuryai mula digunakan oleh Kayan iaitu 'Ivan' yang membawa maksud kehinaan (sense of opprobrium) (Roth 1968). Suku kaum Iban umumnya tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman Sarawak. Ini menyebabkan klasifikasi sosial luar bandar suku kaum Iban menimbulkan kekeliruan. Zainal Keling menyifatkan Iban masih pada peringkat pra-peasant (Zainal Keling Dec. 1978). Pada pendapat pengkaji klasifikasi tersebut tidak

lagi sesuai, kerana golongan yang dianggap sebagai 'isolate primitive' tidak lagi wujud sejak terbentuknya 'political state'. Golongan ini telah kehilangan sifat autonomi, sama ada dari segi politik dan sosio ekonomi. Berdasarkan keadaan tersebut, etnik Iban sebenarnya merupakan sebahagian dari kelompok masyarakat luar bandar yang digolongkan sebagai 'peasant' (Sutlive 1978).

Sejarah penghijrahan Iban ke Sarawak adalah komplek dan mengelirukan kerana tidak adanya catatan yang bersifat sejarah untuk dijadikan asas hipotesis yang lebih konkret. Oleh itu alternatif terbaik bergantung kepada cerita-cerita oral dan 'tusut' (genealogies). Iban dipercuryai berasal dari Sumatera dan berhijrah ke kawasan Lembah Kapuas di Kalimantan. Pada awal abad ke 19, mereka mula bergerak ke Kawasan Sarawak melalui bahagian ke dua dan seterusnya ke Lembah Rejang. Jangka masa tersebut sebenarnya adalah anggaran kasar sahaja kerana penulis-penulis barat menggunakan tarikh kedatangan James Brooke pada 1839 sebagai titik permulaan mereka menulis tentang sejarah Sarawak. Salah satu kawasan di bahagian ke dua yang mula diterokai ialah di Batang Ai. Komuniti Iban yang tinggal di sepanjang Batang Ai (kami ari Batang Ai). Iban di kawasan ini berasal dari kawasan Undup (Sandin 1967:7).

### ii) Agama

Majoriti penduduk Iban di Engkilili masih mengamalkan animisme (pagan) iaitu suatu bentuk kepercayaan yang mempercayai alam sekeliling mempunyai semangat tertentu. Masyarakat Iban tradisi mempercayai

beberapa Tuhan yang mengawal **fenomena** semulajadi seperti Bunsu Ribut (the God of the wind), Petara Puchok kaiyu (God of the tree-tops) dan Petara kebong langit (God of the heaven) dan Petara tengah tanah (God of the earth). Terdapat tiga lagi Tuhan yang sangat mempengaruhi sosio-budaya Iban iaitu Selampandai (Creator of man), Pulang Gana (the principal God of the padi cult) dan Singalang Burung (God of War). Kesemua Tuhan ini disebut dalam upacara miring Gawai dan pengap (incantations) (Kedit 1980:24). Orang Iban percaya semangat orang yang telah mati berada di Sebayan. Dalam kehidupan di rumah panjang sistem 'augury'(ramalan) memainkan peranan yang penting. Ramalan ini diperolehi daripada bunyi burung tertentu yang dikenali sebagai Ketupong (Rufous), Kikih (Banded kingfisher), beragai (Scarlet rumped trogon), Papau (Diard's trogon), Bejampong (rested jay), Pangkas (Maroon woodpecker) dan Nendak (White rumped shama). Bunyi burung-burung tersebut diinterpretasi oleh Tuai Burung. Masyarakat Iban tradisi juga mempercayai mimpi adalah saluran utama bagi berhubung dengan dunia ghaib. Sekarang terdapat sebilangan orang Iban yang menganuti agama-agama lain terutamanya Kristian dan Islam. Walau bagaimana pun nilai dan 'world view' mereka masih dipengaruhi oleh kepercayaan tradisi.

### iii) Organisasi sosial komuniti rumah panjang

Rumah panjang boleh disifatkan sebagai sebuah perkampungan di mana penduduknya tinggal di bawah satu bumbung yang sama tetapi mempunyai bilik berasingan. Freeman memberi istilah 'bilik family' sebagai unit asas

dalam komuniti Iban (Freeman 1970). Bilik juga merupakan sebuah asas yang terdiri dari bapa, ibu dan anak yang belum berkahwin. Namun begitu sebuah bilik juga mempunyai tiga generasi sama ada datuk atau neneh. 'Bilik family' mempunyai autonomi dari segi ekonomi dan hal ehwal rumah tangga.

Masyarakat Iban dianggap sebuah masyarakat yang mobile. Seseorang boleh menjadi anggota bilik melalui kelahiran, 'adoption', perkahwinan dan persahabatan. Lazimnya kebanyakan bilik di rumah panjang diikat oleh hubungan kekeluargaan sama ada melalui perkahwinan atau hubungan darah. Masyarakat Iban mengamalkan sistem kekeluargaan 'bilateral' di mana hubungan kekeluargaan diiktiraf dari sebelah bapa dan ibu. Freeman mendapati sistem kekeluargaan Iban berbentuk 'cognatic', di mana hubungan kekeluargaan berpusat pada ego dan berkembang keluar ke atas (Freeman 1970:68). Maka tegasnya seseorang individu mempunyai 'kindreds' yang berbeza dengan individu yang lain. Dalam bahasa Iban 'kindreds' digolongkan sebagai 'kaban belayan' dan 'suku juru'. Kebiasaannya seseorang mempunyai 'kindreds' di rumah-rumah panjang yang lain. Bentuk hubungan kekeluargaan ini perlulah diberi perhatian dalam mengkaji politik di kawasan berkenaan kerana ia hanya dapat dieksplorasi dalam mempengaruhi keputusan politik diperingkat 'grassroots'.

Unit sosial ke dua adalah komuniti rumah panjang. Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, bilik-bilik di rumah panjang diikat oleh hubungan kekeluargaan (cognatic kin) maka interaksi di kalangan komuniti diberi perhatian

utama. Di peringkat inilah proses **sosialisasi** dan penyertaan politik bermula. Malah upacara-upacara keagamaan dijalankan bersama oleh komuniti rumah panjang. Pada sebelah malam penghuni-penghuni rumah panjang lazimnya berandau (berbual) di ruai. Isu-isu yang selalu menjadi topik perbualan termasuklah hal-hal yang remeh sehingga yang serius seperti politik. Pengalaman pengkaji mendapati amalan ini semakin berkurangan dilakukan apabila kemunculan televesyen. Hampir setiap bilik memiliki peti televesyen, mereka lebih suka menonton televesyen menyebabkan ruai menjadi lengang pada sebelah malam. Sebelumnya ruai adalah tempat untuk berehat disamping menumpang mendengar cerita atau pengalaman dari rakan-rakan. Walau bagaimana tradisi berandau di ruai rumah panjang masih penting dalam komuniti tersebut. Walupun setiap bilik memiliki hak tertentu ke atas tanah mereka tetapi bagi kawasan yang dikongsi seperti hutan yang belum diterokai, penghasilan hasil-hasil hutan termasuk pemburuan binatang selalunya dijalankan bersama. Dalam komuniti rumah panjang terdapat juga pertukaran tenaga buruh yang dikenali sebagai 'beduruk' tetapi sistem ini lebih bersifat kolektif dan tidak bertujuan untuk mendapat lebihan (surplus).

iv) Kepimpinan dalam rumah panjang

Freeman membuat kesimpulan bahawa masyarakat Iban (Freeman 1970:109-117);

- a) Iban dalam keadaan anarki
- b) Iban tidak mempunyai institusi kepimpinan
- c) Tidak terdapat pemimpin supra-local

- d) Iban mempunyai ideologi egalitarianism dan tidak terdapat sistem ranking.

Tegasnya Freeman ingin membuktikan bahawa Iban adalah sebuah masyarakat egalitarian. Fried mendefinisikan masyarakat egalitarian sebagai suatu keadaan masyarakat di mana seseorang berpeluang memperolehi kedudukan yang prestige tanpa sebarang had dan sekatan (Fried 1967:33).

Kenyataan Freeman masih tidak boleh diterima sepenuhnya kerana Freeman membuat fielwork di Baleh pada tahun 1950. Baleh relatifnya adalah kawasan yang baru diterokai berbanding dengan kawasan Iban di bahagian ke dua termasuk sub-daerah Engkilili. Oleh itu tidak tepat sekiranya tafsiran Freeman yang diperolehinya dari fieldwork di Baleh digeneralisasikan pada bahagian-bahagian yang lain. Penghijrah Iban dari luar kawasan Baleh mencari tanah-tanah baru di kawasan tersebut. Penghijrahan yang datang dari latar belakang yang berbeza ini menimbulkan suasana tidak teratur (settle). Baleh merupakan kawasan yang baru dibuka atau diterokai oleh migran Iban dari bahagian kedua, pada jangka masa 'quasi-colonial Brooke' (Rousseau 1980). Dengan itu struktur masyarakat Iban di kawasan Baleh semasa Freeman membuat fieldworknya adalah berlainan dengan masyarakat Iban yang terdapat di bahagian ke dua. Berbanding dengan Baleh, bahagian ke dua Sarawak telah diterokai sebelum kedatangan James Brooke pada tahun 1839. Walaupun jika benar terdapat masyarakat yang dikatakan egalitarian tetapi dalam unit analisa yang paling kecil seperti umur,

sudah pasti golongan yang senior mempunyai status yang lebih tinggi berbanding dengan golongan muda.

Dalam komuniti rumah panjang terdapat dua jawatan penting, iaitu peranan dalam bidang sekular dan 'ritual'. Tuai Rumah berperanan dalam hal-hal sekular seperti pentadbiran dalam rumah panjang, Mana kala Tuai Burung berkait-rapat dengan aspek keagamaan. Kebiasaannya jawatan ini dipegang oleh orang yang berlainan tetapi tidaklah menjadi suatu yang luar biasa sekiranya kedua-dua jawatan tersebut dipegang oleh orang yang sama. Jawatan Tuai Burung lebih dianggap istimewa kerana perlantikkannya berdasarkan kebolehan yang berkaitan unsur-unsur 'spiritual' yang tidak dimiliki oleh orang lain. Walaupun tidak diiktiraf berbanding dengan jawatan Tuai Rumah peranan Tuai Burung dianggap penting oleh komuniti rumah panjang. Sekarang kebolehan dalam hal-hal 'ritual' seperti yang dimiliki oleh Tuai Burung semakin berkurangan. Misalnya di rumah panjang Merbong, Menuang dan Bua tidak terdapat lagi Tuai Burung. Oleh itu komuniti rumah-rumah panjang terpaksa mengambil Tuai Burung khasnya dari Lubuk Antu jika khidmatnya diperlukan dalam Gawai Kenyalang. Walaupun Tuai Burung hanya berperanan dalam hal-hal 'ritual' tetapi pengaruhnya dalam politik tidak boleh dinafikan. Nasihat serta pandangan Tuai Burung dalam isu-isu politik sering diikuti memandangkan 'seniority' beliau dalam komuniti rumah panjang.

Kembali kepada persoalan jawatan Tuai Rumah, Freeman berpendapat Tuai Rumah tidak mempunyai autoriti untuk

memberi sebarang arahan kepada ahli-ahli dalam komunitinya (juga Sutlive 1978:59 dan Kedit 1980:36). Ketiga-tiga penulis ini menganggap autoriti Tuai rumah hanya terhad dalam soal adat-resam sahaja dan dengan itu seseorang yang berhasrat menjadi Tuai Rumah perlu mengetahui adat-resam rumah panjang. Penulis-penulis tersebut agak berjaya menyakinkan bahawa masyarakat Iban tradisi adalah egalitarian. Tetapi menurut Mosca, dalam mana-mana masyarakat sama ada yang mundur sekali pun akan terdapat dua kelas yang berbeza. Iaitu golongan majoirti menjadi kelas yang di perintah dan golongan minoriti sebagai kelas memerintah (Mosca 1939:50), Kelas memerintah menikmati keistimewaan melalui kuasa-kuasa yang ada. Manakala kelas diperintah menjadi subordinate dan dikawal oleh golongan yang memerintah. Sebaliknya Pareto menggelarkan golongan ini sebagai 'elite' (Pareto 1963:169). Walaupun Freeman menegaskan Tuai Rumah tidak dapat memberi arahan secara sebarangan kepada ahli-ahli komuniti rumah panjang sebagai bukti kekurangan autoriti Tuai Rumah, tetapi logiknya tidak terdapat juga dalam mana-mana masyarakat di mana Ketuanya memberi arahan secara sewenang-wenang kecuali dalam sistem perhambaan dan diktator. Jelas sistem perhambaan sudah berlalu manakala pemerintahan diktator tidak lagi popular dalam zaman moden.

Dari segi perlantikan Tuai Rumah, Freeman mendakwa jawatan tersebut tidak diwarisi sebaliknya dipilih oleh seluruh komuniti rumah panjang (Freeman 1970:112). Kenyataan tersebut mungkin benar hanya di Baleh sewaktu

Freeman membuat fieldworknya pada tahun 1950 an. Bila dikatakan masyarakat Iban sebagai masyarakat egalitarian, maka setiap lelaki dewasa dalam komuniti rumah panjang berpeluang menjadi Tuai Rumah tanpa sekatan. Tetapi realitinya tidak demikian. Dalam komuniti rumah panjang terdapat satu golongan 'core group' yang dianggap sebagai kumpulan peneroka pertama. 'Core group' mempunyai pengaruh yang kuat dalam pemilihan Tuai Rumah. Kebiasaannya Tuai Rumah dipilih dari kumpulan ini atau sekurang-kurangnya mempunyai hubungan kekeluargaan. Berdasarkan kajian Jensen di Batang Ai, Lemanak dan Undup dalam bahagian ke dua, mendapati 25 dari 40 kes perlantikan Tuai Rumah terdiri dari bilik yang sama. Manakala 15 kes selebihnya mempunyai hubungan kekeluargaan (Rousseau 1980). Jelas di sini menunjukkan jawatan tersebut adalah cenderung bersifat warisan. Keluarga (bilik) yang datang terkemudian tidak berpeluang merebut jawatan tersebut. Malah Mosca sendiri sedar bahawa golongan kelas memerintah cenderung bersifat perwarisan dengan mengadakan sekatan-sekatan tertentu bagi menyekat kelas diperintah memasuki kelas memerintah.


Di rumah panjang Merbong, Tuai Rumahnya bukan dari 'core group' tetapi merupakan pendatang yang baru berasal dari Lemanak. Beliau berpindah ke Merbong pada awal tahun-tahun 1950 an. Perlantikan jawatan tersebut diberi oleh salah seorang anak pengasas rumah panjang itu yang sepatutnya mewarisinya. Tetapi tidak berminat menerima kerana baru kematian isteri. Sekarang timbul

kontroversi bahawa Tuai Rumah sekarang ~~hendak~~ memberi jawatan tersebut kepada menantu beliau yang berasal dari Engkari. Ura-ura ini tidak disenangi oleh komuniti rumah panjang Merbong kerana sepatutnya jawatan Tuai Rumah dikembali kepada keluarga pengasas rumah panjang tersebut. Walaupun konsep kelas tidak jelas dalam komuniti Iban tetapi bukan bermakna mereka boleh dianggap 'equal' dari segi ekonomi. Golongan 'core group' merupakan peneroka awal maka mereka mempunyai kawasan tanah yang lebih luas daripada bilik-bilik yang datang terkemudian. Masyarakat Iban tradisi yang boleh dikategorikan sebagai 'peasant' bergantung kepada tanah sebagai sumber pengeluaran. Oleh itu keluasan tanah akan mempengaruhi kedudukan ekonomi ahli-ahli komuniti rumah panjang. Kepentingan tanah semakin meningkat dengan pengenalan tanaman wang seperti getah, lada hitam dan koko. Ringkasnya keluarga yang memiliki tanah yang lebih luas berupaya mendapat pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan ahli-ahli komuniti itu. Oleh itu dakwaan yang menyatakan Iban adalah sebuah masyarakat egalitarian adalah tidak tepat. Maka kesimpulan yang dapat diberi bahawa kenyataan Freeman yang menyikatkan Iban tidak mempunyai institusi kepimpinan khasnya diperengkat tradisi ternyata meleset. Pada hari ini Tuai Rumah telah diserapkan ke dalam sistem birokrasi yang lebih besar dan setiap tahun menerima sagu hati dari kerajaan. Secara perlahan-lahan kerajaan menjadikan Tuai Rumah sebagai 'broker' di antara kerajaan dan komuniti rumah panjang. Kerajaan juga memastikan Tuai Rumah

sentiasa mengikut polisi kerajaan sesuai dengan peranannya sebagai 'broker'.

Terdapat dua jawatan pemimpin yang bukan berasal dari kebudayaan Iban dan lebih bercorak 'reginol' iaitu Penghulu dan Councillor. Jawatan Penghulu berasal dari Kesultanan Brunei. Pada tahun 1902, jawatan Penghulu telah dipilih sendiri oleh pemerintah Brooke. Peranan Penghulu adalah sebagai pentadbir undang-undang adat. Di daerah Lubuk Antu terdapat 8 orang penghulu dan pembahagian kawasan adalah berdasarkan sungai. Misalnya Batang Ai dan Batang Engkari mempunyai penghulu yang berasingan. Berbeza dengan penghulu jawatan Councillor merupakan jawatan yang baru diperkenalkan pada tahun 1950-an. Councillor berfungsi menjadi wakil penduduk-penduduk tempatan dan penasihat kepada Majlis Daerah Luar Bandar. Di Daerah Lubuk Antu terdapat 20 orang Councillor. Jawatan Councillor tidaklah tetap dan jangkamasa perkhidmatan bergantung kepada budi bicara pihak Majlis Luar Bandar berkenaan. Keanehan jawatan Councillor adalah terletak kepada cara perlantikkannya. Pemilihan adalah dari syor wakil rakyat dari kerajaan. Sementara orang yang dipilih adalah dari golongan 'core group' yang dianggap dominan dikalangan komuniti rumah panjang. Oleh itu Councillor adalah salah satu strategi politik pihak parti kerajaan. Bagaimana di luar soal-soal politik, Penghulu sering bekerja sama dalam menyelesaikan masalah penduduk-penduduk di bawah jagaan mereka. Misalnya jika terdapat pertelingkahan dikalangan komuniti rumah panjang lazimnya hal-hal mengenai hak milik tanah, Penghulu dan

Councillor berperanan sebagai juri bagi menyelesaikan masalah tersebut. Biasanya Penghulu dan Councillor akan terlibat dalam hal begini sekiranya Tuai Rumah tidak berupaya menyelesaikannya. Maka secara kasar dapat digambarkan hubungan dan pembahagian kekuasaan dikalangan masyarakat lban khususnya di Daerah Lubuk Antu adalah seperti berikut:



Perlu diambil perhatian bahawa personel-personal berkenaan merupakan 'actor' utama dalam politik 'grassroots' di N.17 engkilili.

v) Pekerjaan

Kebanyakan penduduk-penduduk rumah panjang di Engkilili adalah petani. Mereka mengusahakan padi paya dan bukti sebagai sumber makanan kepada isi rumah. Kawasan yang hendak ditanam dengan padi biasanya di bersih dan dibakar sebelum bulan Ogos kerana kedatangan musim hujan. Pada bulan Ogos sehingga pertengahan bulan September benih-benih padi ditanam. Musim menuai bermula pada pertengahan bulan Mac. Berbanding dengan padi bukit, penghasilan padi di kawasan paya lebih lumayan dan mudah diusahakan kerana saiznya agak kecil. Namun begitu kawasan paya yang rendah menghadapi risiko banjir.

Semenjak pembinaan empangan hidro letrik di hulu Batang Ai, masalah banjir semakin terkawal. Di samping itu penduduk di sini mengusahakan tanaman wang seperti getah, lada hitam dan koko. Tanaman lada hitam dianggap terpenting sebagai sumber pendapatan yang lumayan. Semasa pengkaji berada di Engkilili harga lada hitam berada di paras \$4/- sekilo dan terdapat spekulasi dari Jemaah Pemasaran Lada Hitam Sarawak bahawa harga akan meningkat naik kerana permintaan yang bertambah. Lada hitam pernah mencapai harga terendah \$2.50 sekilo menyebabkan ramai penanam beralih kepada koko. Usaha menanam lada hitam tidaklah mudah dan banyak risiko. Seseorang penanam mungkin bernasib baik jika pokok lada hitamnya dapat menghasilkan buah dengan baik selepas tiga tahun ditanam. Perkara ini berpunca dari sejenis fungus yang menterang akar lada hitam menyebabkan daunnya luruh dan akhirnya mati. Ramai penduduk menghadapi kerugian kerana mereka mengeluarkan modal yang banyak bagi menanam lada hitam. Sehingga sekarang pakar-pakar pertanian tempatan tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut kecuali mengesyorkan langkah-langkah pencegahan yang menyulitkan lagi penanamnya. Disamping itu sebahagian kecil penduduk di Engkilili berkerja dengan perkhidmatan awam kerajaan.

vi) Latar belakang sosio-ekonomi komuniti Cina

Penduduk Cina dianggap dominan di Engkilili selepas Iban, malah dari segi aspek-aspek tertentu mereka mempunyai kelebihan. Orang Cina mula menduduki Engkilili kira-kira 100 tahun yang lalu. Pada masa itu mereka adalah pelombong emas di Bukit Tiang Laju terletak ke

Selatan Engkilili. Sebelum tahun-tahun 1930 an, terdapat 5,000 orang Cina di Engkilili, tetapi apabila emas mula berkurangan dan tekanan ekonomi mereka mula berhijrah ke tempat lain. Sebahagiannya kekal di Engkilili dan Lubuk Antu menjadi peniaga dan petani. Keadaan seperti ini masih berkekalan sehingga sekarang. Mengikut banci 1980, di pekan Engkilili terdapat 710 orang Cina. Kebanyakan mereka dari kumpulan loghat Hakka atau Khek. Bagi penduduk tempatan mereka lebih dikenali sebagai 'cina kebun', kerana di samping sebagai peniaga mereka juga petani terutamanya mengusahakan lada hitam. Orang Cina di sini fasih dalam bahasa Iban. Malah sering terdapat kahwin campur di antara dua kelompok komuniti berkenaan.

**Jadual 4.2:Penduduk mengikut Dearah dan kumpulan Etnik 1980; Sarawak**

Daerah/kawasan pihak berkuasa tempatan	Kumpulan Etnik								Jumlah
	Melayu	Melanau	Iban	Bidayuh	lain-lain bumiputra	Cina	lain-lain		
<u>Lubuk Antu</u>									
M.D. Lubuk Antu	766	23	16,525	82	22	2,254	63	19,735	
Engkilili Bazaar	104	-	326	8	2	710	-	1,150	
Lubuk Antu Bazaar	83	7	650	34	1	242	2	1,019	
Kawasan selebihnya									
M.D. Lubuk Antu	579	16	15,549	40	19	1,302	61	17,566	

Sumber; Siaran pengangkaan tahun 1987 Sarawak.  
Jabatan Perangkaan Malaysia(Cawangan Sarawak).

**Jadual 4.3:**

Taburan Penduduk Cina Mengikut Daerah Dan Kumpulan Loghat 1980.

Daerah	Hokkien	Cantonese	Khek(Hakka)	Teochew	Hainanese	Henghua	Foochow	Jumlah
Lubuk Antu	34	27	1,640	595	10	5	97	2,408

Sumber: Siaran perangkaan tahun 1987.  
Jabatan Perangkaan Malaysia(Cawangan Sarawak).

**Jadual 4.4:**

List of Councillor of Lubuk Antu District Council Engkilili.

1. Cr. Tutong Ak. Ningkan
2. Cr. Epang Ak. Akau
3. Cr. Lenggang Ak. Utau
4. Cr. Gawang Ak. Ugap
5. Cr. Ganing Ak. Alin
6. Cr. Abing Ak. Bang
7. Cr. Nasir Ak. Bitin
8. Cr. Rabit Ak Nanang
9. Cr. Ngumbang Ak. Andal
10. Cr. Sibat Ak. Rentap.
11. Cr. Andau Ak. Sulai
12. Cr. Sulau Ak. Nyambar
13. Cr. Saka Ak. Anchon
14. Cr. Jugah Ak. Anceh
15. Crr. Luta Ak. Manjing
16. Cr. Jee Shin Choon
17. Cr. Phang Fah Chiew
18. Cr. Gundol Ak. Nyaring
19. Cr. Barang Ak. Pagan
20. Cr. Edward Sadai Ak. Anja


Jadual 4.5: Senarai Sebahagian Rumah Panjang yang terdapat di Engkilili.

No	Name of kampungs and longhouses	Doors Bilik	Population	Age Group												Total	
				Below 1 YRS		1-4 YRS		5-6 YRS		7-14 YRS		15-49 YRS		Over 50 YRS			
1	Kpg Langgir	26	157	M 3	F 2	M 3	F 3	M 1	F 0	M 12	F 18	M 41	F 47	M 12	F 15	M 72	F 85
2	Kpg. Paoh	24	120	M 1	F 1	M 5	F 5	M 2	F 5	M 3	F 1	M 28	F 33	M 19	F 17	M 56	F 62
3	Soh	12	73	M 0	F 0	M 3	F 2	M 3	F 3	M 9	F 13	M 11	F 14	M 6	F 9	M 32	F 41
4	Rasau	12	73	M 2	F 1	M 3	F 5	M 3	F 4	M 9	F 12	M 10	F 12	M 5	F 7	M 32	F 41
5	Sayat	23	128	M 2	F 5	M 3	F 8	M 3	F 6	M 18	F 13	M 19	F 31	M 9	F 11	M 54	F 74
6	Nanga Kumpang	30	129	M 2	F 3	M 0	F 3	M 1	F 3	M 5	F 7	M 32	F 37	M 20	F 16	M 60	F 69
7	Danau	18	120	M 1	F 2	M 2	F 4	M 5	F 7	M 11	F 12	M 25	F 20	M 14	F 17	M 58	F 62
8	Bukong	22	107	M 2	F 1	M 1	F 2	M 2	F 3	M 6	F 8	M 36	F 30	M 6	F 10	M 53	F 54
9	Merbong	20	93	M 2	F 1	M 5	F 6	M 2	F 9	M 11	F 6	M 18	F 23	M 5	F 5	M 43	F 50
10	Bukit Tungku	30	145	M 1	F 2	M 4	F 2	M 5	F 3	M 14	F 16	M 36	F 27	M 13	F 22	M 73	F 72
11	Merio Nanga	16	78	M 2	F 1	M 3	F 3	M 3	F 1	M 6	F 3	M 23	F 26	M 4	F 3	M 41	F 37
12	Merio Manjol	10	44	M 0	F 1	M 2	F 1	M 1	F 1	M 4	F 3	M 14	F 9	M 3	F 5	M 24	F 26
13	Merio Reba	16	71	M 2	F 1	M 3	F 3	M 3	F 0	M 10	F 3	M 26	F 15	M 2	F 3	M 46	F 25
14	Merio Sedan	18	109	M 0	F 2	M 3	F 6	M 3	F 2	M 6	F 9	M 21	F 24	M 12	F 21	M 45	F 64
15	Berenggang	19	95	M 0	F 1	M 5	F 3	M 4	F 2	M 12	F 11	M 20	F 20	M 7	F 10	M 48	F 47
16	Gelong	23	111	M 1	F 1	M 4	F 3	M 5	F 5	M 12	F 14	M 32	F 18	M 9	F 7	M 63	F 48
17	Semueh Adeng	18	73	M 0	F 0	M 2	F 1	M 2	F 2	M 8	F 6	M 24	F 22	M 3	F 3	M 39	F 34
18	Semueh Sujang	9	45	M 0	F 1	M 2	F 0	M 1	F 3	M 4	F 2	M 18	F 10	M 3	F 1	M 28	F 17
19	Marup Atas	24	104	M 1	F 2	M 4	F 4	M 0	F 1	M 16	F 11	M 23	F 19	M 7	F 16	M 51	F 53
20	SG. Keroh	32	171	M 2	F 1	M 6	F 3	M 5	F 8	M 25	F 18	M 30	F 29	M 20	F 24	M 88	F 83
21	Pengansah	14	78	M 0	F 1	M 3	F 1	M 1	F 1	M 7	F 15	M 24	F 18	M 2	F 5	M 37	F 41
22	San Simpai	22	115	M 1	F 0	M 4	F 1	M 6	F 0	M 15	F 13	M 24	F 32	M 9	F 10	M 59	F 56
23	San Demam	19	58	M 2	F 0	M 0	F 1	M 3	F 1	M 4	F 3	M 18	F 18	M 2	F 6	M 29	F 29
24	San Kemantan	23	95	M 0	F 1	M 2	F 8	M 1	F 3	M 14	F 16	M 20	F 17	M 8	F 5	M 45	F 50
25	San Empliau	19	70	M 1	F 1	M 6	F 2	M 0	F 1	M 5	F 9	M 23	F 18	M 0	F 4	M 35	F 35
26	San Munggur	14	74	M 1	F 1	M 4	F 4	M 2	F 1	M 10	F 13	M 9	F 17	M 6	F 6	M 32	F 42
27	San Tabot	3	15	M 0	F 1	M 0	F 0	M 0	F 2	M 1	F 1	M 2	F 3	M 2	F 3	M 5	F 10
28	Jelukong	28	132	M 1	F 1	M 3	F 6	M 3	F 8	M 9	F 16	M 32	F 31	M 9	F 13	M 57	F 75
29	Stegin	38	206	M 2	F 2	M 5	F 12	M 3	F 10	M 21	F 17	M 65	F 50	M 10	F 9	M 106	F 100
30	Entayau	7	29	M 1	F 1	M 2	F 0	M 0	F 0	M 4	F 2	M 7	F 10	M 0	F 2	M 14	F 15
31	Mawang	6	35	M 0	F 0	M 0	F 2	M 0	F 1	M 2	F 1	M 10	F 19	M 0	F 0	M 12	F 23
32	Klampu	34	160	M 2	F 2	M 6	F 8	M 2	F 3	M 15	F 8	M 39	F 43	M 8	F 24	M 72	F 88
33	Kandis	12	78	M 0	F 2	M 2	F 2	M 0	F 1	M 6	F 3	M 21	F 19	M 9	F 13	M 38	F 40
34	Emplam	19	63	M 1	F 0	M 2	F 1	M 0	F 1	M 4	F 6	M 17	F 29	M 2	F 0	M 26	F 37
35	Geligau Ulu	21	123	M 1	F 0	M 5	F 0	M 2	F 5	M 11	F 13	M 36	F 42	M 1	F 7	M 56	F 67
36	Geligau III	14	94	M 0	F 0	M 3	F 3	M 2	F 4	M 9	F 6	M 23	F 32	M 8	F 4	M 45	F 49
37	Ensurai Ulu	11	106	M 0	F 1	M 4	F 2	M 3	F 3	M 10	F 8	M 30	F 39	M 4	F 2	M 51	F 55
38	Ensurai III	17	124	M 0	F 3	M 4	F 3	M 2	F 5	M 8	F 13	M 35	F 39	M 5	F 7	M 54	F 70
39	Tembawai Abaw	7	44	M 1	F 0	M 0	F 1	M 3	F 0	M 6	F 8	M 7	F 13	M 2	F 3	M 19	F 25
40	Spalau	13	81	M 5	F 2	M 3	F 2	M 2	F 6	M 13	F 7	M 18	F 18	M 2	F 3	M 43	F 38
41	Basi	46	238	M 3	F 0	M 7	F 3	M 2	F 1	M 32	F 29	M 40	F 76	M 21	F 24	M 105	F 133
42	Suai	4	29	M 0	F 1	M 0	F 0	M 0	F 0	M 4	F 6	M 5	F 8	M 1	F 4	M 10	F 19
43	Tekalong	15	74	M 0	F 1	M 1	F 0	M 0	F 1	M 4	F 7	M 23	F 35	M 0	F 2	M 28	F 46
44	Liu	20	113	M 2	F 1	M 2	F 2	M 6	F 5	M 5	F 18	M 30	F 29	M 4	F 9	M 49	F 64

45	Pedadai Ulu	7	30	0	1	0	2	1	1	2	3	10	7	2	1	15	15
46	Pedalai III	19	71	0	1	2	2	2	3	8	12	11	12	9	9	32	39
47	Tanjong	25	123	1	0	4	6	6	5	8	10	28	37	8	10	55	68
48	Ijok Ulu	28	130	2	1	2	3	3	5	16	29	37	20	4	8	64	66
49	Ijok III	5	27	0	1	0	2	1	1	0	3	2	9	3	5	6	21
50	Langkang Ulu	19	101	2	3	4	4	1	1	16	18	20	21	2	1	45	56
51	langkang III	18	79	0	2	1	3	0	3	7	12	17	16	5	13	30	49
52	Tawai Ulu	10	56	0	2	2	3	1	2	10	4	12	10	3	7	28	29
53	Tawai Tengah	13	61	1	1	3	5	1	5	3	4	15	11	4	8	27	26
54	Tawai III	12	64	1	1	3	2	0	0	4	6	18	17	5	7	31	33



Sumber : Engkilili Village Health team 1988.

Gambarajah 4.6 : Unit dalam organisasi Iban




Sumber : V.H.Sutlive. 1978. "The Iban Of Sarawak".  
AHM Publishing Corporation.

Gambarajah 4.7 : Keluarga Kognatik




Sumber: Robin F. 1985. "Persanakan dan perkahwinan",  
Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian  
Pelaajaran Malaysia, Kuala Lumpur.

Gambara jah 4.8 : The Iban Kindred




i) Terms of reference



\* Or, Apai Tuai / Indai Tuai, lit. "Old Father" / "Old Mother"

ii) Terms of address




iii) Affines

Sumber : V.H.Sutlive.1978. "The Iban Of Sarawak"

AIM Publishing Corporation.

Peta 4.9 : Bahagian Kedua, Sarawak.



Sumber : M.G. Dickson. 1962. "Sarawak and It's People",  
Borneo Literature Bureau.



Bab 5: Penyertaan dan perilaku politik di Kawasan undi N.17 Engkilili.

Penyertaan politik pada umumnya bertujuan untuk mempengaruhi corak perkembangan politik, kerana sebarang perubahan yang berlaku akan mempengaruhi masa depan 'survival' sesebuah komuniti atau masyarakat amnya. Sementara itu penyertaan politik akan ditentukan oleh sosio-budaya dan struktur institusi politik yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu faktor-faktor yang membawa kepada penyertaan politik merupakan suatu fenomena yang 'diverse' dan tidak tetap. Bagaimana hal tersebut banyak bergantung kepada sudut pandangan atau perspektif yang digunakan oleh seseorang pengkaji dalam menganalisis perkembangan politik. Berdasarkan pendapat di atas, pengkaji berpendapat faktor-faktor yang berkaitan dengan sosio-budaya telah memainkan peranan yang penting dalam memobilisasikan politik 'grassroots' di kawasan undi N.17.

1) Kekerabatan dan keturunan

Pada asasnya kekerabatan dan keturunan bukanlah perkara yang benar-benar bersifat politik. Bagaimanapun kepentingan kekerabatan dan keturunan dalam mempengaruhi perkembangan politik tidak boleh diabaikan. Dalam mana-mana masyarakat sekali pun, terutama bagi masyarakat simple faktor kekerabatan dan keturunan merupakan suatu yang dominan. Janya melibatkan hubungan-hubungan yang bercorak 'multiplex' bertujuan untuk memenuhi keperluan 'survival' sesebuah komuniti, maka perkara-perkara yang

berkaitan dengan politik tidak dapat dielakkan. Ringkasnya kekerabatan dan keturunan mempunyai maksud dan fungsi tertentu dalam hubungan politik (Balandier 1967:51).

Oleh kerana majoriti pengundi di kawasan undi N.17 terdiri dari etnik Iban, keseluruhan perbincangan mengenai aspek kekeluargaan dan keturunan lebih berat berkisar kepada etnik Iban. Masyarakat Iban mengamalkan sistem kekeluargaan bercorak 'bilateral' atau dua nisab dan dikategorikan sebagai keluarga kognatik. Melalui sistem ini seorang individu mempunyai ramai 'kaban' (kerabat) yang didapati dari sebelah ibu dan bapa. Lanya membentuk satu 'social network' yang luas dan mempunyai kepentingan serta implikasinya ke atas penyertaan politik. Adalah menjadi satu kebiasaan seseorang itu akan berpihak atau menyokong tindakan yang diambil oleh golongan-golongan yang mempunyai hubungan kekerabatan dan keturunan dengannya.

Menurut Balandier;

"Lineage are based on man who, situated in the same genealogical framework, are linked unilineally to the same stock. Their extent varies according to the member of generation involved (the genealogical depth), as does the member of elements (or segments) that compose .... From a functionalist point of view, however, they are 'corporate group', to use the term invented by British anthropologist they hold symbols common to all their members; prescribe distinctive practices and oppose each other in a sense, as differentiated unit." (Balandier 1972:52)

Berdasarkan petikan tersebut, penegasan haruslah diberi kepada 'lineage' memungkinkan sesuatu tindakan dijalankan secara kolektif kerana mereka diikat oleh sosio-budaya yang sama. Bagi memudahkan pemahaman, bagaimana proses

tersebut berjalan adalah praktikal perbincangan bermula dari peringkat kekerabatan (kin Group) yang selalunya akan mempengaruhi peringkat 'lineage' dalam pengertian yang lebih luas. Untuk menerangkan bagaimana peranan kekerabatan mempengaruhi penyertaan politik, pengkaji membahagikan ini kepada tiga peringkat.

i) Peringkat komuniti dalam sebuah rumah panjang.

Rumah panjang merupakan sebuah perkampungan di mana penduduknya berlindung di bawah satu bumbung yang sama. Setiap keluarga dibahagi kepada bilik-bilik yang berasingan. Walaupun setiap bilik mempunyai autonomi, tetapi komuniti rumah panjang merupakan sebuah 'corporate group' yang berfungsi memenuhi segala keperluan 'survival' mereka. Komuniti rumah panjang adalah 'share holder' dalam sumber-sumber pengeluaran seperti tanah. Oleh itu anggota-anggota komuniti rumah panjang sering diberi perhatian utama selepas 'kaban' (Kerabat) dalam hubungan sosial setiap bilik.

Dalam hubungan tersebut, lazimnya terdapat satu golongan yang mempunyai pengaruh dalam menentukan hal-hal di rumah panjang. Golongan ini dianggap sebagai 'core group' yang terdiri dari keluarga-keluarga pengasas sesebuah rumah panjang (Lihat bab 3). Walaupun masyarakat Iban mempunyai ideologi autonomi (sering menimbulkan kekeliruan kepada konsep 'egalitarian') tetapi keputusan sesuatu perkara biasanya diputuskan oleh golongan 'core group' dan dipatuhi ~~Baleh~~ semua anggota komuniti sesebuah rumah panjang. Melalui kelebihan atau 'advantage' ini, golongan 'core group' akan menentukan corak penyertaan

politik dan parti-parti politik yang akan disertai. Kepatuhan komuniti rumah panjang terhadap keputusan (desakan) yang dibuat oleh 'core group' adalah secara spontan walaupun tidak ada peraturan bertulis yang menegaskan keadaan tersebut. Sebenarnya keadaan ini diwujudkan oleh isbat (social sanction) yang menjadi makinisme mengawal segala gerak-laku anggota-anggota komuniti rumah panjang. Menurut Radcliffe-Brown 'social sanction didifinisikan sebagai;

"A sanction is a reaction on the part of a society or a considerable number of its member to a mode of behaviour which is thereby approved (positive sanctions) or disapproved (negative sanction). sanctions may further be distinguished according to whether they are digguse, the former are spontaneous of approval or disapproval by members of the community acting as individual while the later are social actions carried out according to come traditional and recognised procedure." (Racliffe-Brown 1965:205).

Walaupun isbat sosial dikenakan ke atas semua komuniti tetapi dalam keadaan tertentu ianya dikawal oleh 'core group' dan menggunakan 'advantage' ini untuk mempengaruhi komuniti rumah panjang berpihak kepada mereka. Keengganinan berbuat demikian, akan menyebabkan seseorang itu menghadapi ancaman dari segi mental atau emosi atau dari anggota komuniti yang berpihak kepada 'core group'. Pada tahap tertentu seseorang itu akan dipulau atau disekat hubungan sosialnya oleh anggota komuniti. Tetapi lazimnya sesebuah rumah panjang tidak menghadapi masalah seperti yang dinyatakan sehingga boleh menimbulkan ketegangan di kalangan anggota komuniti tersebut. Ini disebabkan kebanyakkan anggota komuniti diikat oleh hubungan kekeluargaan.

Di rumah panjang Merbong terdapat 20 buah bilik dan merupakan penyokong PBDS, kecuali 4 bilik mengaku menyokong SUPP. Sebelumnya pada masa Pilihanraya Negeri 1983 penduduk-penduduk di situ menyokong Sim Choo Nam yang dibiayai oleh SUPP. Tetapi bila Sim Choo Nam menyertai PBDS pada tahun 1987 mereka masih setia dengan SUPP dan berhasrat menyokong calon Iban SUPP iaitu Intal Rentap. Bagaimanapun keadaan ini berubah setelah Encik Serit Mat berbincang dan mendesak penduduk-penduduk rumah panjang Merbong menyokong PBDS yang diwakili Sim Choo Nam. Pengkaji mengganggap Encik Serit Mat adalah salah seorang anggota 'Core Group' dalam rumah panjang tersebut dan merupakan timbalan atau pembantu tuan rumah. Dari segi latar belakang politik, Encik Serit Mat telah menyertai SUPP sejak tahun 1959 dan sudah lama mengenali Sim Choo Nam secara dekat. Dengan alasan inilah Encik Serit Mat mengikut jejak Sim Choo Nam menyertai PBDS pada tahun 1987. Walau bagaimanapun tuan rumah Merbong masih tetap menyokong SUPP kerana telah dinasihat oleh pihak Majlis Daerah Luar Bandar Engkilili supaya menyokong parti-parti kerajaan sahaja. Sementara itu beberapa bilik yang yang menyokong SUPP sebenarnya terdiri dari anggota keluarga yang baru berhijrah ke rumah panjang tersebut. Mereka ini berasal dari kawasan yang terlibat dengan projek empangan hidroletrik Batang Ai, tetapi enggan tinggal di kawasan petempatan baru yang disediakan oleh kerajaan. Keluarga-keluarga ini mengikut jejak tuan rumah kerana ingin membala budi dan mengekalkan hubungan baik dengan tuan rumah yang telah membenarkan mereka menetap

di situ. Walau bagaimanapun dari sudut yang lain, hubungan mereka tidak begitu mesra dengan penghuni yang lain. Tetapi perkara tersebut tidak begitu serius sehingga boleh membawa ketegangan kerana bilangan mereka terlalu kecil bagi mengatasi penghuni-penghuni lain.


ii) Pakatan di antara rumah panjang

Untuk tahap ini, pengkaji menumpukan kepada tiga buah rumah panjang iaitu Merbong (20 bilik), Sg.Menuang (8 bilik) dan Bua (35 bilik). Ketiga-tiga rumah panjang ini terletak agak berhampiran dan mengambil masa kira-kira 15 minit untuk sampai kesitu dari Engkilili dengan menggunakan bot. Ketiga-tiga rumah panjang ini mempunyai hubungan yang unik kerana sealiran dalam pandangan politik. Pada 1983, ketiga-ketiga rumah panjang ini merupakan kubu kuat SUPP. Tapi berubah menyokong PBDS pada 1987. Dari segi hubungan sosial, kebanyakannya penghuni-penghuninya diikat oleh hubungan persanakan. Sebenarnya pengasas rumah panjang Sg.Menuang dan Merbong berasal dari Bua.

Sementara rumah panjang Bua sudah wujud semasa pemerhati Charles Brooke. Rumah panjang Sg.Menuang dan Merbong dibina selepas Perang Dunia ke Dua berakhir. Berdasarkan latar belakang sejarah ini, ketiga-tiga rumah panjang tersebut mempunyai sentimen kekeluargaan yang kukuh. Misalnya Encik Serit Mat dari Merbong mempunya hubungan yang rapat dengan penduduk-penduduk di Sg.Menuang dan Bua.

Gambarajah 5.1

Gambarajah menunjukkan hubungan kekeluargaan di antara tiga buah rumah panjang.



Petunjuk

- A) Mat Ak.Mada
- B) Luta Ak.Mada
- C) Samau Ak.Mada
- D) Langkan Ak.Mada
- \* Serit Ak.Mat

Gambar rajah tersebut menggambarkan secara ringkas hubungan persanakan Encik Serit Mat dengan penduduk-penduduk di Sg.Menuang dan Bua. Untuk menjelaskan kedudukan perkara ini, pengkaji bermula dari moyang Encik Serit Mat. Pada abad ke 19, Mada dan bapanya Ngumbang yang berasal dari kawasan Batang Ai, Lubuk Antu, berhijrah ke Bua. Di sinilah Mada dibesarkan dan membentuk keluarga sendiri. Beliau mempunyai empat orang anak, iaitu Mat Ak.Mada, Luta Ak.Mada, Samau Ak.Mat dan Langkan Ak.Mada. Mada merupakan salah seorang peneroka (pioneer) di kawasan Bua, maka keluarga ini pengkaji golongan sebagai 'core group'. Sebagai peneroka awal kawasan tersebut, mereka mempunyai kedudukan yang istimewa untuk mempengaruhi penghuni-penghuni di situ. Dari segi penyertaan politik, Mat, Luta, Samau dan Langkan telah menyertai SUPP sejak tahun 1959. Keluarga ini banyak

membantu Sim Choo Nam berkempen di rumah-rumah panjang yang lain, pada Pilihanraya Negeri 1983. Tetapi pada tahun 1987 mereka menghadapi kekeliruan kerana sama ada hendak terus menyokong Sim Choo Nam yang telah menyertai PBDS atau SUPP. Bagaimanapun Encik Serit telah berjaya memujuk bapa saudaranya agar menyertai PBDS bersama Sim Choo Nam. Dengan bantuan bapa saudaranya Encik Serit berjaya pula memujuk penghuni-penghuni yang lain menyertai PBDS. Dari kes tersebut dapat ditegaskan bahawa faktor persanakan atau kekerabatan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi penyertaan politik dikalangan komuniti rumah panjang. Sekumpulan kecil anggota komuniti itu berupa mempengaruhi atau mendesak sebahagian besar anggota yang lain menyokong mereka.

iii) Peringkat 'river pact'

Walau istilah 'river pact' selalu dirujuk kepada perilaku politik tradisi tetapi ia masih relevan dalam perkembangan politik moden yang mementingkan unsur-unsur 'electorate'. Pada zaman Pra-Brooke, 'river pact' sangat penting bagi masyarakat Iban bagi mempertahankan diri dari ancaman musuh. 'River pact' bermaksud pakatan rumah-rumah panjang terdapat dibeberapa batang sungai dalam sesebuah kawasan. Misalnya semasa Rentap menyerang angkatan Brooke, beliau telah berpaktat dengan seluruh rumah panjang yang terdapat di sepanjang Sungai Skrang. Pengkaji menggunakan istilah ini kerana kebanyakan masyarakat Iban tinggal berhampiran dengan sungai. Sungai mempunyai pengaruh yang besar ke atas kehidupan mereka, sama ada dari segi 'survival' ataupun 'world View'. Oleh

itu masyarakat Iban dianggap lebih tepat lagi sebagai 'riverine tribe' ianya bertentangan sekali dengan istilah yang digunakan oleh James Brooke yang menganggap masyarakat Iban sebagai 'Sea Dayak'. (Roth 1968: Vol. I)

Menurut maklumat yang diperolehi, Sim Choo Nam banyak mendapat sokongan dari penduduk-penduduk rumah panjang yang terdapat di sepanjang Sungai Lemanak, Batang Ai dan Skrang. Manakala kebanyakkan penduduk-penduduk yang tinggal di sepanjang Batang Lupar memberikan sokongan kepada Intal Rentap kerana berasal dari kawasan berkenaan. Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, seseorang individu mempunyai hubungan kekeluargaan yang luas tidak terhad kepada sebuah rumah panjang tetapi terdapat di beberapa buah rumah panjang yang terletak di sungai-sungai yang berlainan. Kalau diperhatikan sokongan penduduk-penduduk di sekitar Sungai Lemanak, Batang Ai dan Skrang kepada Sim Choo Nam, seolah-oleh menggambarkan suatu perjanjian bersama yang membentuk 'river pact'. Sentimen ini mungkin boleh dirujuk kepada sifat kelaziman orang Iban yang suka mengidentifikasi diri mereka berdasarkan kepada sungai yang diduduki.

Proses penyebaran propaganda bagi memungkinkan keadaan tersebut dikendalikan oleh personel-personel yang bertindak sebagai 'political middleman'. Kebanyakannya terdiri dari 'Councillor' yang telah dipilih oleh pihak Majlis Daerah Luar Bandar Engkilili atas nasihat ADUN N.17 Engkilili. Konsep 'teritorial' yang biasa didapati dalam perbincangan antropologi politik khususnya di

Afrika tidak sesuai digunakan di Engkilili kerana persekitarannya dibahagikan mengikut sungai.

2) Hubungan 'patron-client'

Istilah 'patron-client' merupakan model yang digunakan oleh ahli-ahli Antropologi bagi menganalisa hubungan sosio-ekonomi, termasuk politik dalam sesebuah masyarakat. Menurut James C.Scott, pendekatan konflik yang sering mengaitkan konsep kelas tidak sepenuhnya dapat menerangkan perilaku politik di Dunia Ketiga (Scott 1972). Hubungan 'patron-client' lazimnya didefinisikan sebagai;


"....an exchange relationship between roles—may be defined as a special case of dyadic (two person) ties involving a largely instrumental friendship in which individual of higher socioeconomic status (patron) uses his own influence and resources to provide protection or benefits, or both, for person of lower status (client) who, for his part, reciprocates by offering support and assistance, including personal services, to the patron". (Scott 1972).

Pada dasarnya hubungan 'patron-client' bercorak dua hal kerana ke dua-dua saling bergantung di antara satu sama lain. Keadaan ini wujud kerana 'client' dalam keadaan kekurangan dari segi penguasaan sumber ekonomi, sebagai jalan keluar 'client' memaksa dirinya menjadi 'subordinate' kepada 'patron' yang kedudukannya ekonominya lebih kukuh. Dalam hubungan ini 'patron' akan memberi bantuan atau sokongan terutama dari segi ekonomi. Sebaliknya 'client' membala dengan memberi perkhidmatan seperti tenaga buruh, ketenteraan, dan sokongan politik seperti menjadi agen politik. Walaupun hubungan 'patron-

'client' adalah bergantung dan timbal-balas tetapi 'patron' yang mempunyai kedudukan yang lebih baik sering mengeksploits 'client'. Tetapi keunikan hubungan ini jarang sekali menimbulkan pertelingahan di antara kedua-dua belah pihak yang terlibat. Sebaliknya 'client' menunjukkan sikap taat setia kepada 'patron' dan berusaha menjaga nama baiknya. Keadaan ini berlaku kerana hubungan 'patron-client' diasaskan oleh sikap amanah di antara kedua belah pihak untuk mendapat sokongan dan bantuan pada masa depan. James C. Scott membahagikan 'patron-client' kepada dua bentuk yang berasingan;


i) Patron-client cluster.

Dalam hubungan ini 'patron' dan 'client' cerikat secara langsung.



ii) Patron-client pyramid.

Pada tahap ini kelompok-kelompok (cluster) tersebut diperkembangkan, tetapi hubungan ini masih berfokus kepada seorang individu.



Pengkajian berpendapat hubungan 'patron-client' perlu diberi perhatian kerana iaanya mempengaruhi perilaku politik dalam masyarakat. Pengkaji ingin menarik perhatian mengenai pendapat M.F.Roff berhubungan dengan perkara ini menurut beliau ;

"That is to say, that political grouping or parties form not because of the shared interests of their members but because of exchange of goods or services between subordinates and superordinates." (Roff 1973:17).

Ringkasnya disini bahawa penyertaan politik oleh sesebuah masyarakat ada kalanya berkaitan dengan 'exchange of goods or services' di antara 'patron-client'. Pengkaji mendapat andaian Roff ini memang tepat dan ada kebenarannya bila digunakan untuk menganalisa perilaku politik di Kawasanundi Dewan Undangan Negeri N.17 Engkilili. Perilaku ini berlaku disebabkan oleh keperluan 'survival' di kalangan pihak-pihak yang terlibat. Dalam pertukaran ini 'patron' akan memberi bantuan atau sokongan ekonomi kepada 'client'. Sebaliknya sebagai balasan 'client' memberi sokongan politik kepada 'patron' dan berusaha menjaga reputasinya. Di Kawasanundi N.17 pengkaji menyifatkan golongan yang dianggap sebagai 'client' terdiri dari petani-petani suku Kaum Iban. Kebanyakan petani-petani ini merupakan golongan yang miskin. Kadar kemiskinan di kalangan suku kaum Iban adalah yang ke dua tertinggi di Sarawak selepas suku kaum Bidayuh. Berdasarkan perangkaan 1982, kadar kemiskinan di kalangan suku kaum Iban ialah 48.7% berbanding dengan suku kaum Bidayuh 64.9%.

Jadual 5.1 : Kadar kemiskinan mengikut keturunan 1982

<u>Keturunan</u>	<u>Kadar kemiskinan</u>
Melayu	22.1 %
Iban	48.7 %
Bidayuh	64.9 %
Melanau	18.2 %
Kaum Bumiputera Lain	17.9 %
Cina	8.5 %
Lain-lain keturunan	16.7 %

Sumber: Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia

keempat 1981-1985, ms.77.

J.Jawan berpendapat bahawa walaupun terdapat penurunan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar, tetapi ianya memberi kesan yang berlainan kepada kaum-kaum tertentu.

Suku kaum <sup>Iban</sup>/yang majoritinya tinggal di luar bandar masih berada dalam kemiskinan dan dasar kerajaan membasmikan/di luar bandar di anggap tidak berjaya (J.Jawan dalam Ilmu Masyarakat Okt.-Dis. 1984).

Oleh kerana desakan ini, suku kaum Iban di Engkilili terpaksa bergantung atau mendapatkan bantuan ekonomi dari 'patron' yang terdiri dari pekedai-pekedai Cina Hakka. Biasanya bentuk bantuan adalah berupa kredit. Di kawasan luar bandar yang terpencil seperti Engkilili, ekonominya adalah bergantung kepada sistem kredit tersebut. Di kawasan Engkilili masalah tuan-tuan tanah tidak wujud tetapi petani-petani di sini menghadapi masalah kekurangan modal bagi membiayai usaha-usaha pertanian dan perbelanjaan sara hidup. Bentuk hubungan di antara petani-petani dengan pekedai di Engkilili mempunyai persamaan dengan kajian yang dibuat oleh Ju-K'an Tien (1953) mengenai hubungan petani dan pekedai Cina di

kawasan luar bandar Sarawak. Perbezaannya hubungan petani Cina dengan pekedai Cina dikaitkan dengan sentimen keturunan. Keadaan ini berbeza sekali di Engkilili di mana hubungan tersebut adalah di antara petani suku kaum Iban dengan pekedai Cina, tanpa mempunyai sebarang ikatan yang kukuh. Oleh itu hubungan ini hanya bergantung kepada sikap amanah di antara pihak-pihak yang terlibat.

Petani-petani di sini lebih suka meminjam wang dari pekedai-pekedai berkenaan kerana mudah diperolehi pada bila-bila masa tanpa cagaran. Pinjaman yang dibuat tanpa cagaran sememangnya merupakan risiko yang tinggi kepada pekedai kerana siberhutang mungkin lari tidak membayar hutang. Tetapi hal seperti ini jarang sekali berlaku kerana ke dua-dua pihak saling memerlukan sokongan di antara satu sama lain. Menurut Leigh,

"The relationship between shopkeeper and client is one of mutual interdependence or mutual exploitation." (Leigh 1964:24)

Kebiasaannya petani-petani akan membayar hutang mereka dengan hasil pertanian kepada pekedai. Hubungan tersebut dianggap 'mutual exploitation' kerana pekedai yang berperanan sebagai 'patron' sering mengeksplloit petani dalam urusan penjualan hasil-hasil pertanian. Misalnya dari segi timbangan dan meletakan gred yang tidak betul. Dengan erti kata lain petani tersebut tidak mendapat harga yang sepatutnya harus diterima. Sebaliknya petani tidak akan atau pernah menglangsaikan hutang mereka, mereka akan meminta pinjaman baru walaupun masih terdapat hutang lama. Biasanya pekedai tidak menolak permintaan

membawa keuntungan kepada mereka. Dari segi perniagaan kedai-kedai di sini merupakan unit yang bebas, mereka bersaing hebat untuk memikat seberapa ramai 'client'.

Kebanyakan petani-petani di Engkilili mengusahakan tanaman lada hitam, getah dan koko sebagai tanaman wang. Lada hitam merupakan tanaman yang memerlukan input-input seperti baja dan racun kulat bagi menjamin hasil yang baik. Bekalan bahan-bahan tersebut diperolehi secara kredit dari kedai-kedai runcit di Engkilili. Pejabat Jabatan Pertanian Engkilili ada menjual bahan-bahan tersebut secara tunai dengan harga yang sama seperti yang terdapat di kedai-kedai runcit di Engkilili. Misalnya harga baja seberat 50 Kg adalah \$56/- jika dibeli secara tunai. Sebaliknya pekedai bersedia memberi kredit dengan harga \$57/- dalam kuantiti yang sama. Oleh itu petani lebih suka beralih kepada pekedai-pekedai tersebut kerana kemudahan seumpama itu tidak disediakan oleh Pejabat Jabatan Pertanian Engkilili.

Seorang petani biasanya berhutang kepada pekedai di antara \$200 - \$1,000/-. Mereka tidak begitu berasa malu untuk menerangkan jumlah hutang mereka kepada orang lain kerana perkara tersebut sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan mereka. Hutang tersebut biasanya dibayar dalam tempoh setahun bila tiba musim lada berbuah pada bulan Mac - Mei. Di samping itu mereka juga membayar hutang tersebut secara ansuran dengan hasil penjualan koko dan getah yang boleh diperolehi sepanjang tahun. walaubagaimana pun hutang tersebut tidak pernah dilangsungkan keran petani sering membuat pinjaman baru.

Hubungan penduduk tempatan dengan pekedai boleh dikatakan rapat bagi mereka yang tinggal berhampiran dengan Engkilili pertemuan dengan pekedai tidak kurang dari sekali dalam masa tiga hari. Manakala penduduk yang tinggal di kawasan yang agak jauh, pertemuan mereka dengan pekedai tidak begitu kerap. Ada kalanya mereka hanya pergi ke Engkilili sekali dalam sebulan. Kedatangan mereka ke Engkilili biasanya untuk membeli bahan-bahan keperluan rumah tangga dan menjual hasil-hasil pertanian seperti getah dan koko. Setiap orang biasanya berurusan dengan seorang pekedai saja.

Hubungan ini tidak hanya terhad urusan ekonomi saja, tetapi mempunyai implikasinya ke atas politik setempat. Pekedai-pekedai di Engkilili kebanyakannya adalah ahli SUPP. Mereka ini berupaya mempengaruhi atau memujuk pelanggan mereka untuk menyertai SUPP. Di pihak petani yang merupakan komuniti rumah panjang adalah penyokong kuat SUPP. Keadaan ini telah memperkuatkan lagi hubungan 'patron - client' di kedua-dua pihak. Pekedai yang bimbang akan kehilangan sokongan politik berusaha membantu petani dengan sumber ekonominya sementara bagi petani pula dengan menyertai SUPP hubungan mereka dengan pekedai diharap menjadi lebih mesra dan dengan itu mudah mendapat kredit jika keadaan terdesak.

Pekedai-pekedai tersebut berusaha menarik seberapa ramai pelanggannya menyertai SUPP kerana kepentingan 'survival' perniagaan mereka. Pekedai-pekedai di kawasan luar bandar mempunyai hubungan perniagaan dengan peniaga-peniaga yang lebih besar di Kuching. Golongan peniaga di

Kuching ini merupakan orang kuat SUPP di peringkat pusat. Oleh itu adalah penting bagi peniaga-peniaga di Engkilili aktif dalam kegiatan politik supaya dapat menarik perhatian pihak pusat. Hubungan baik ini dapat membantu perniagaan mereka, kerana mereka memerlukan sokongan dari peniaga-peniaga yang lebih besar terutama dari segi kemudahan kredit. Sebenarnya urusan perniagaan bahan-bahan komoditi seperti getah, lada hitam dan koko melibatkan banyak pihak.

Contoh terbaik bagi menerangkan kepentingan hubungan 'patron-client' kepada politik adalah mengenai kemenangan Sim Choo Nam pada tahun 1983 dan 1987. Sim Choo Nam merupakan seorang peniaga yang mengusahakan beberapa jenis perniagaan termasuk kedai runcit. Beliau terkenal dengan kemurahannya memberi kredit kepada penduduk tempatan. Malah beliau banyak memberi sumbangan kepada penduduk-denduduk tempatan untuk membina rumah panjang baru. sumbangan beliau sama ada dari segi pemberian secara percuma bahan-bahan binaan atau mengenakan harga yang istimewa. Rumah panjang Merbong yang dibina semula pada 1981 banyak mendapat sumbangan dari Sim Choo Nam. Beberapa orang penghuninya mempunyai hubungan yang erat dengan Sim Choo Nam. Mereka inilah yang banyak membantu Sim Choo Nam berkempen pada pilihanraya tersebut.

Walaupun hubungan 'patron-client' tidak sepenuhnya bercorak politik tetapi ianya begitu praktikal bagi mempengaruhi perilaku politik. Menurut J.D.Powell;

"The client-broker-patron network, we shall find, is of key importance as electoral process reaches the level of peasant village." (Powell 1970).

Berdasarkan kenyataan tersebut hubungan 'patron-client' memainkan peranan yang penting dalam perilaku politik diperingkat 'grass roots' terutama sekali di kawasan luar bandar. Oleh itu penyertaan politik merupakan landasan bagi petani-petani untuk mengadakan hubungan yang lebih baik bagi memperolehi atau memenuhi kepentingan ekonomi mereka.

### 3) Kelemahan sentimen 'Dayakism'

Kawasanundi Dewan undangan Negeri N.17 Engkilili secara amnya dianggap sebagai kawasan yang tidak stabil dari segi penguasaan parti-parti politik. Parti-parti politik yang pernah memenangi kawasanundi ini tidak mempertahankan kedudukan mereka lebih dari dua penggal. Semenjak dari tahun 1963 sehingga 1987, terdapat empat buah parti yang pernah menduduki kawasanundi ini iaitu PESAKA, SNAP, SUPP dan PBDS. Keadaan ini jelas menunjukkan betapa tidak konsistennya perilaku politik di kalangan 'grassroots' di Engkilili.

pada pilihanraya 1983, terdapat tiga orang calon yang bertanding iaitu Sin Choo Nam, Jonathan Narwin dan Simon Dembab Maja. Sim Choo Nam bertanding atas tiket bebas yang dibiayai oleh SUPP. Sementara Simon Dembab Maja yang juga bertanding atas tiket bebas dibiayai oleh PBB. Hanya Jonathan Narwin bertanding mempertahankan kerusi yang dimenanginya dengan tiket SNAP. Oleh itu SNAP yang merupakan anggota BN telah ditentang oleh calon-calon bebas yang ditaja oleh parti-parti komponen BN sendiri.

Sebaliknya pada pilihanraya 1987, perebutan kerusi kawasanundi N.17 Engkilili boleh disifatkan sebagai satu pertandingan yang bersih kerana tidak ada pihak menghantar dan mendalangi calon bebas. Pertandingan adalah di antara Sim Choo Nam dari PBDS dan Intal Rentap dari SUPP. Keputusannya Sim Choo Nam berjaya memenangi kerusi tersebut dengan memperolehi 3,839 undi. Berbanding dengan Intal Rentap yang memperolehi 2,061 undi. Ada beberapa pihak yang cuba mengaitkan kejayaan Sim Choo Nam mempertahankan kerusi tersebut dengan faktor 'Dayakism' semata-mata kerana beliau bertanding atas tiket PBDS.

Perkataan 'Dayakism' telah digunakan oleh penulis-penulis politik surat akhbar dalam melihat perkembangan politik masyarakat Dayak terutama di kalangan Iban semasa pergolakan politik Sarawak pada tahun 1987. Pengkaji berpendapat pemerhati politik berkenaan cuba menyamakan keadaan politik di Sarawak ketika itu dengan krisis politik di Sabah yang membawa kepada kebangkitan etnik Kadazan. Tetapi andaian ini sebenarnya tidak tepat kerana fesyen politik di Sarawak dan Sabah adalah berbeza. Di Sarawak persaingan politiknya lebih terbuka, dalam erti kata tidak akan ada pihak yang benar-benar mendominasi keadaan politik. Istilah 'Dayakism' kebetulan hangat diperkatakan pada ketika PBDS cuba menjadi "juara" kaum Dayak. J.Jawan mendefinisikan 'Dayakism' sebagai;

"... the consciousness of a group of their rightfull role in society. This rightful role may be defined in terms of greater political involvement in the decision-making processes, a more equitable distribution of economic pies to the Dayaks and a comprehensive blue print for the preservation and promotion of Dayak cultures." (J.Jawan 1987:24).

Ringkasnya definisi tersebut merujuk kepada **cita-cita** etnik Dayak memperjuangkan hak serta kedudukan **sosio-ekonomi** mereka dalam masyarakat umum. Dari sudut tertentu, perkara ini sememangnya menimbulkan sentimen yang kuat di kalangan masyarakat Iban dan membimbangkan etnik-etnik yang lain. Oleh itu dengan mudah pemerhati politik menafsirkan kemenangan PBDS di Kawasan Undi N.17 Engkilili adalah berdasarkan sentimen 'Dayakism'. Malah J.Jawam membuat kesimpulan bahawa kegagalan tekit SUPP meletakan calon Ibananya bagi 'neutralise' Sokongan kepada Sim Choo Nam berpunca;

"as the Iban who Vote for Sim Choo Nam in Engkilili voted because he had stood on the PBDS ticket. For that matter any Tom, Dick or Harry could also have won Engkilili for the PBDS." (J.Jawan 1987:2).

Pengkaji berpendapat kesimpulan yang dibuat oleh J.Jawan berhubung dengan perkara tersebut adalah tidak tepat dan memahami corak hubungan masyarakat setempat di Engkilili. Sekiranya benar faktor 'Dayakism' dianggap sebagai faktor penentu kemenangan, kenapa Intal yang mewakili SUPP masih berupaya mendapat 2,061 undi, di mana pengundi Cina sebuah parti yang berteraskan sokongan Cina cuma 12% dan Melayu 2% dari keseluruhan 7,382 pengundi berdaftar. Berdasarkan pendekatan yang digunakan oleh J.Jawan sebenarnya tidak dapat menjelaskan sepenuhnya perilaku politik seumpama ini. Oleh itu pengkaji sekali lagi, menegaskan perkara tersebut ada relevannya dengan hubungan 'patron-client' di kalangan pengundi-pengundi di Kawasan Undi N.17 Engkilili. Sim Choo Nam yang bertindak sebagai 'patron' berupaya memperolehi 'client' yang membantukan mempengaruhi penduduk-penduduk di situ.

Berbanding dengan Intal Rentap yang pengkaji anggap sebagai 'pseudopatron' gagal menyaingi keberkesanannya Sim Choo Nam.

Pengkaji mendapati penghuni-penghuni rumah panjang di Merbong, Bua dan Sungai Menuang tidak memperdulikan apa yang dianggap sebagai 'Dayakism'. Mereka menyertai atau menyokong PBDS semata-mata kerana Sim Choo Nam bertanding menggunakan lambang PBDS. Seandainya Sim Choo Nam menggunakan tiket SUPP mereka tetap menyokongnya seperti yang berlaku semasa Pilihanraya Negeri 1983, di mana beliau mengalahkan dua calon Iban. Oleh itu kesimpulan yang dapat ditegaskan komitmen pengundi-pengundi Iban kepada parti-parti politik tetapi komitmen kepada individu (patron).

Pengkaji mendapati latar belakang Sim Choo Nam memang menarik. Sejak dari awal penglibatan politik lagi, Sim Nam Choo telah berjaya memprojekkan "public-imagenya" kepada penduduk-penduk tempatan. Dilahirkan pada tahun 1939 dan mula bergiat dalam politik <sup>tamat</sup> selepas sekolah peringkat 'Chinese middle school'. Pada tahun 1960 Sim Choo Nam dilantik sebagai Setiausaha dan Ketua Pemuda SUPP cawangan Engkilili. Pada tahun 1962 beliau ditahan atas tuduhan bergiat dengan kegiatan subversif. Penahanannya itu berpunca dari bukti yang melibatkan anggota SUPP bergiat cergas dengan pemberontak Brunei yang merebak ke Limbang. Pengkaji diberitahu sebahagian besar dari komiti yang ada sekarang pernah di tahan atas tuduhan menyokong pergerakan komunis di Engkilili. Salah seorang darinya ialah Cr. Rabit Ak. Nanang.

Sebagai seorang Ketua Pemuda SUPP, Sim Choo Nam menghadapi tuduhan yang berat dan hanya dibebaskan pada awal tahun-tahun 1980an (sebelum, menyertai pilihanraya negeri 1983). Pada tahun 1963, golongan Pemuda SUPP terlibat dengan pergerakan Clandestine Communist Organization (CCO) dan menguasai SUPP (Kroef 1966). Penguasaan CCO kaeatas SUPP telah menyebabkan SUPP dilebelkan sebagai sebuah parti berhaluan kiri. Di Engkilili Sim Choo Nam merupakan seorang yang popular di kalangan penduduk tempatan. Dari maklumat responden dan pengalaman pengkaji sendiri Sim Choo Nam mempunyai budi perkerti yang baik dan mudah mesra dengan penduduk tempatan. Lazimnya pada hari minggu beliau sering kelihatan duduk di kedai kopi berbual dengan orang ramai yang ada di situ. Orang luar mungkin tidak akan mengetahui beliau adalah ADUN N.17 Engkilili kerana cara berpakaian beliau terlalu sederhana dan hanya menggunakan selipar bila bersiar-siar di pekan Engkilili. Keunikan inilah menyebabkan beliau popular di kalangan penduduk-penduduk tempatan. Dalam masyarakat tradisi, nilai sopan-santun dan hormat-menghormati masih dipegang teguh dan mempunyai implikasinya ke atas politik. (J.Jawan, Jan/June 1984) semasa temuduga, Sim Choo Nam memberitahu pengkaji bahawa sikap tersebut perlu ada pada seorang pemimpin untuk mendapatkan sokongan dari rakyat. Sebelum mengambil keputusan bertanding pada tahun 1983, Sim Choo Nam telah cuba memperkenalkan diri dan membuat 'homework' berkenaan dengan kawasan tersebut. Untuk mencapai maksud ini, beliau sendiri bersama-sama dengan penduduk kampung

mengadakan gotong-royong semasa musim menuai padi. Ringkasnya Sim Choo Nam merupakan seorang yang berfikiran luas dan bijak dalam memprojekkan imejnya kepada umum. Faktor ini sangat penting dalam menentukan kejayaan seseorang pemimpin dalam kerjaya politiknya.

Sementara itu, calon SUPP Intal Rentap tidaklah sepopuler Sim Choo Nam. Beliau merupakan bekas anggota polis yang bertugas dalam cawangan CID di Simanggang. Intal Rentap dianggap orang baru dalam arena politik. Menurut Sim Choo Nam, Pemilihan Intal Rentap sebagai calon SUPP dibuat secara tergesa-gesa kerana SUPP menghadapi masalah mencari calon yang benar-benar berkelibar. Menurut Sim Choo Nam lagi, Intal Rentap ditawarkan sebanyak \$200,000.00 untuk bertanding di N.17 Engkilili. Kegagalan beliau mendapat sokongan padu dari pengundi Iban, bukan kerana beliau bertanding atas tiket SUPP tetapi kemunculannya terlalu mendadak, tanpa diketahui oleh kebanyakan pengundi.

Semasa Pilihanraya Negeri 1983 dan 1987, isu-isu yang bercorak nasional tidak mendapat tempat di kalangan pengundi rumah panjang. Sungguhpun pihak akhbar sering menonjolkan isu-isu yang bersentimen 'Dayakism', sebenarnya tidak mengambarkan keadaan sebenar di peringkat 'grassroots'. Penghuni di rumah panjang Bua, Sg. Menuang dan Merbong hanya berminat kepada persoalan yang boleh mengubah keadaan hidup mereka pada ketika itu dan tidak memperdulikan persoalan yang melibatkan keseluruhan masyarakat Iban sama ada diperingkat daerah atau negeri. Keadaan ini berlaku juga di kalangan

masyarakat Iban di tempat lain di Sarawak (*J.Jawan*, Jan/June 1984).

Menurut Peter Searle, kelemahan dari segi sosio-ekonomi dalam masyarakat Iban telah menghalang usaha perpaduan politik di kalangan masyarakat Iban. Beliau menambah lagi;

"higher instances of poverty and illiteracy stimulated the political mobility of some longhouses as they sought to attach immediate rewards or gain..... limited the political focus of the Ibans to matters directly related to their longhouse or district, and hindered the growth of Iban 'awareness' regarding common and fundamental needs and aspiration" (Searl 1983:54-55)

Pengkaji mendapati penduduk atau penghuni di ketiga-tiga rumah panjang tersebut tidak terdedah atau memperdulikan kepada maklumat semasa yang boleh membantu mereka membuat keputusan atau tindakan yang boleh kepada perpaduan politik keseluruhan masyarakat Iban. Mereka tidak membaca akhbar sama ada dari tempatan atau kebangsaan. Faktor yang jelas hal ini berlaku kerana di Engkilili tidak menjual akhbar seperti ini. Sementara itu minat mereka terhadap rancangan berita di TV adalah rendah. Alasan yang diberikan menonton rancangan berita hanya membazirkan bateri. (Kebanyakan peti TV mereka menggunakan tenaga bateri). TV hanya dianggap sebagai alat sumber hiburan saja. Kelemahan ini menyebabkan mereka hanya menumpukan perhatian kepada aktiviti di sekitar rumah panjang mereka saja.

Penduduk di situ juga tidak berminat dengan janji-janji BN yang akan membantu taraf hidup mereka sekiranya memenangi kerusi tersebut. Keadaan ini boleh disifatkan

sebagai "kebangkitan kekecewaan" akibat pengalaman mereka di masa-masa lepas. Banyak janji-janji tidak ditunaikan ketika itu. Oleh itu mereka lebih menumpukan hubungan kepada 'patron' yang dapat memenuhi keperluan 'survival' mereka.

University of Malaya

## Bab 6 :

### Kawalan Dan Pengkaderan Politik

#### 1) SUPP Cawangan Engkilili

SUPP merupakan sebuah parti politik yang tertua di Engkilili ditubuhkan pada tahun 1906. Kebanyakkan komitinya yang masih bergiat cergas dalam politik pada hari ini merupakan pengasas SUPP Cawangan Engkilili. Walaupun ditubuhkan pada tahun 1960., mereka mendakwa telah menyertai SUPP sejak tahun 1959 lagi. ADUN N.17 Engkilili merupakan salah seorang pengasas cawangan parti tersebut dan memegang jawatan Setiausaha Agong.

Sekarang ini SUPP Cawangan Engkilili mempunyai 30 orang komiti. Kebanyakkan anggota komiti ini berumur lebih dari 50 tahun. Mereka juga kebanyakannya merupakan Councillor di Majlis Daerah Luar Bandar Engkilili. Mereka ini dilantik oleh pihak berkuasa atas nasihat Sim Choo Nam yang menjadi ADUN di kawasan undi tersebut. Sim Choo Nam yang sebelum bertanding atas tiket bebas telah menyertai SUPP secara rasmi sebaik sahaja beliau memenangi kerusi kawasan undi tersebut. Pihak Majlis terpaksa mengikut nasihat Sim Choo Nam sebab SUPP adalah anggota BN negeri.

SUPP Cawangan Engkilili mendawa mempunyai seramai 830 orang ahli berdasarkan bilangan kad kesihlian yang telah dikeluarkan sehingga tahun 1988. Di awal tahun 1960an, SUPP Cawangan Engkilili telah disyaki oleh kerajaan menjalankan aktiviti subversif di kawasan berkenaan. Engkilili merupakan kawasan hitam dan sensitif semasa konfrantasi Indonesia-



yang termuda dan mendapat pendidikan menengah. Walau bagaimanapun beliau tidak dilantik bagi memegang jawatan tersebut kerana dianggap orang baru.

Anggota komiti Iban dipilih dari individu-individu yang perpengaruh dalam komuniti rumah panjang. Mereka ini dianggap sebagai 'key figures' dalam komuniti tersebut. Anggota komiti Iban dikhaskan untuk berurusan dengan suku kaum Iban, khususnya di kawasan yang terpencil. Sebenarnya SUPP telah melantik sekurang-kurang seorang komiti bagi mewakili sebuah rumah panjang. Anggota-anggota komiti Iban yang berperanan sebagai 'political middleman' ini menyebarkan propaganda SUPP terutama apabila menghadapi pilihanraya. Strategi ini ternyata berjaya dalam pilihanraya Negeri 1983 apabila Sim Choo Nam yang ditaja oleh SUPP memenangi kerusi N.17 Engkillili.

Sementara anggota komiti Cina menjalankan fungsinya di kalangan etnik Cina. Berbanding dengan komiti Iban yang berusaha mencari sokongan undi, komiti Cina berusaha mencari bantuan dari segi kewangan sama ada dalam bentuk tunai atau kredit. Kebanyakkan komiti Cina adalah peniaga atau taukeh. Mereka akan menggesa pekedai-pekedai lain di situ untuk menyediakan keperluan meterial untuk berkempen bagi memancing undi. Misalnya semasa berkempen mereka memerlukan bahan makanan untuk menjamu bakal pengundi. Peranan pekedai amat penting dalam hal ini kerana setiap kekurangan atau kegagalan menyediakan barang-barang yang diperlukan oleh komuniti rumah panjang akan menjaskan imej parti. Kendaan

ini sudah tentu akan melemahkan prestasi parti dalam pilihanraya.

Oleh itu pengkaji berpendapat SUPP Cawangan Engkilili mempunyai organisasi yang teratur dan berkesan untuk menhadapi pilihanraya. Pembahagian tugas komiti-komiti yang berlainan etnik berdasarkan keistimewaan masing-masing berjaya menutup kelemahan SUPP di Engkilili. SUPP tidak boleh semata-mata bergantung sokongan pengundi-pengundi Cina yang ternyata jauh kecil bilangannya daripada pengundi Iban. Oleh itu peranan komuniti Iban adalah sangat penting bagi menyebarkan propaganda SUPP di kalangan komuniti rumah panjang bagi mendapatkan sokongan dari pegundi-pengundi suku kaum Iban.

Sebelum pilihanraya negeri 1983, SUPP bukanlah sebuah parti yang dominan sekurang-kurangnya dari 'electorate'. SUPP terpaksa bersaing dengan PESAKA dan SNAP yang mendapat sokongan dari pengundi-pengundi Iban. Sementara SUPP terpaksa bergantung kepada pengundi-pengundi Cina yang lebih kecil bilangannya. Pengerusi SUPP cawangan Engkilili Chang Shui Foh pernah mencuba nasibnya bertanding pada pilihanraya 1970 tetapi gagal mendapat sambutan dari pengundi Iban. Semasa pilihanraya 1974 SUPP tidak bertanding sebaliknya memberi sokongan kepada SNAP membolehkannya merampas kerusi N.17 Engkilili dari Simon Debab Maja dari BN. Keadaan berubah menjelang pilihanraya 1983, kebetulan SNAP menghadapi masalah kepimpinan telah memberi peluang kepada SUPP meletakkan calonnya atas tiket bebas. Ternyata

kehadiran Sim Choo Nam telah menarik perhatian pengundi-pengundi Iban dan membolehkannya memenangi kerusi kawasan tersebut dari tangan SNAP. Selepas kemenangan SUPP pada tahun 1983 itu, SUPP seolah-olah telah menganggap kawasan undi Engkilili sebagai milik mutlaknya walaupun sokongan sebenarnya berpunca dari pengundi-pengundi Cina yang bilangannya jauh lebih kecil dari pengundi-pengundi Iban. Semasa pilihanraya 1987 BN negeri telah memberi kepercayaan kepada SUPP menentang PBDS di kawasan berkenaan.

Kegagalan SUPP mempertahankan kerusi kawasan N.17 Engkilili telah menimbulkan rasa tidak puas hati Pengurus cawangan parti tersebut. Semasa mesyuarat agong parti pada April 13 1989 beliau merungut kepada komiti-komiti parti kerana walaupun telah menganggotai SUPP selama 30 tahun mereka gagal menunjukkan komitmen dan memperluaskan ideologi SUPP dengan lebih berkesan terutamanya dikalangan pengundi-pengundi Iban. Oleh itu beliau mencadangkan supaya komiti-komiti berkenaan menghadiri kelas politik SUPP yang diadakan di Kuching, bagi mengatasi masalah tersebut.

Semasa mesyuarat agong tersebut keputusan telah dicapai untuk mengadakan perayaan ulang tahun 30 tahun penubuhan cawangan SUPP di Engkilili bulan Julai 1989. Sambutan akan diadakan secara besar-besaran dengan penglibatan komuniti-komuniti rumah panjang. Pengurus berharap langkah ini akan dapat meningkatkan lagi imej SUPP setelah tewas ditangan PBDS pada pilihanraya 1987. Walau apa sekali pun tindakkan yang diambil oleh SUPP untuk menarik sokongan pengundi

ternyata SUPP masih menghadapi kegagalan dalam menarik minat golongan muda bagi menyertai SUPP. Misalnya dari segi komposisi komiti parti lansung tidak ada dari generasi yang lebih muda. Kebanyakkan dari komiti merupakan generasi pertama SUPP semenjak penubuhan 1960. Kelemahan ini diakui oleh bekas anggota SUPP Sim Choo Nam, di mana beliau mendapati generasi baru lebih bersifat perkauman dari generasi terdahulu. Oleh itu pengkaji beranggapan kemenangan SUPP pada pilihanraya 1983 semata-mata bergantung kepada populariti Sim Choo Nam. Sekali lagi keadaan ini membuktikan bahawa penyertaan masyarakat Iban dalam parti SUPP tidak bererti mereka 'shared the same interest', sebaliknya mempunyai maksud-maksud tertentu di sebalik penyertaan tersebut. Oleh itu apabila Pengurus Cawangan parti tersebut merungut kepada komiti gagal menunjukkan keberkesanan mereka walaupun telah menyertai SUPP selama 30 tahun. Berdasarkan undian ini pengkaji mendapati sebenarnya kedudukan SUPP masih lemah di kawasan undi berkenaan.

## 2) Peranan KEMAS dan SEBERKAS

Kemas (Kemajuan Masyarakat) merupakan sebuah agensi kerajaan yang diberi peranan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk Malaysia khususnya di kawasan luar bandar. Cawangan KEMAS di Engkilili dibuka pada 1979. Ianya diketuai oleh seorang penyelia kanan KEMAS berketurunan Iban yang dikenali sebagai Encik Sli. Beliau memang berasal dari kawasan Engkilili. Diantara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS termasuklah mengadakan sekolah tadika,

kelas malam, perpustakaan, kelas memasak dan pertukangan tangan.

Walaupun objektif asal KENAS di Engkilili bertujuan meningkatkan lagi sosio-ekonomi penduduk setempat tetapi Encik Sli tidak menafikan peranan KEMAS dalam politik setempat. Malah beliau sendiri mengakui tugasnya sebagai penyelia kanan KEMAS Engkilili lebih banyak tertumpu dengan aktiviti politik berbanding dengan objektif asal penubuhan KEMAS. Beliau menambah lagi, pihak KEMAS di Kuching mengarah beliau menggunakan tenaga KEMAS bagi berkempen untuk calon kerajaan. Semasa pilihanraya 1987 KEMAS tidak begitu aktif berkempen membantu SUPP kerana SUPP tidak meminta bantuan dari mereka. Tetapi atas arahan pihak stasen mereka turut SUPP kerana parti tersebut adalah wakil kerajaan di kawasan tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk mengadakan ceramah politik di rumah-rumah panjang. Menurut Encik Sli mereka akan membelanjakan tidak kurang dari \$100.00 setiap kali kunjungan diadakan bagi menyediakan jamuan ringan kepada komuniti rumah panjang. Di samping itu mereka akan mengadakan gotong-royong mengadakan kemudahan asas memperindahkan kawasan rumah panjang. KEMAS biasanya membelanjakan tidak kurang dari \$2000.00 untuk menyediakan bahan-bahan keperluan seperti simen dan tandas. Bagi menjayakan aktiviti tersebut KENAS menggunakan 29 orang tenaga pengajarnya.

Sementara SEBERKAS (kesatuan Belia Sarawak) ditubuhkan pada Mac 31, 1973 (Searle 1983;135) SEBERKAS sebuah

pertubuhan belia 'multiracial' ditubuhkan oleh pemimpin PBB bagi semangat Malaysia dikalangan belia. Tujuan sebenarnya disebalik penubuhan SEBERKAS adalah sebagai satu strategi pengkaderan politik oleh PBB bagi menggalakan belia-belia menganggotai PBB terutama dikalangan belia-belia Dayak di Sarawak. Mereka bimbang kewujudan sebuah persatuan belia yang bersifat perkauman di kalangan Dayak iaitu SDYA (Sarawak Dayak Youth Association). Penubuhan SEBERKAS bertujuan menyekat pengaruh SDYA dari meresap ke dalam golongan pemuda PBB dari sayap PESAKA. Jika ini berlaku sudah tentu akan menjadikan PBB berpecah dengan kewujudan 'faction' yang berlainan pendapat terutama golongan muda Dayak dan Melayu-Melanau.

SEBERKAS membuka oasangannya di Engkilili pada 1979. Kesatuan belia ini mendapat sambutan yang menggalakan dari komuniti dari rumah panjang di Engkilili. Pengkaji difahamkan hampir ke semua rumah panjang di daerah Lubuk Antu telah menyertai SEBERKAS. Kejayaan SEBERKAS menarik pihak-pihak tersebut menganggotai SEBERKAS kerana kesatuan tersebut menawarkan aktiviti-aktiviti yang bercorak pertanian dan ini sememangnya praktikal kerana bidang pertanian merupakan perkerjaan utama penduduk kawasan ini. SEBERKAS memberi bantuan seperti anak-anak lembu yang agak besar bilangannya. Setiap rumah panjang diberi antara 4 hingga 10 ekor anak lembu. Pemberian ini bermula sejak 1979 lagi dan bilangan lembu di setiap rumah panjang semakin bertambah, walaupun menghadapi masalah penyakit. Basil

jualan lembu tersebut dibahagikan sama rata kepada komuniti berkenaan. Dalam pada itu SEBERKAS memberikan baka-baka buah-buahan yang bermutu baik. Agak menghairankan mengapa SEBERKAS lebih bermurah hati dari Jabatan Pertanian sendiri. Seolah-olah SEBERKAS telah mengantikan fungsi Jabatan Pertanian di kawasan ini. SEBERKAS juga mengadakan aktiviti sukan seperti pertandingan bola sepak yang biasanya mendapat sambutan hangat dari penduduk setempat. Berdasarkan keadaan ini SEBERKAS memang berpengaruh sebagai sebuah jentera propanganda apabila berikunyai pilihanraya.

Pengkaji mengaitkan SEBERKAS dan KEMAS dalam perkembangan politik Engkilili kerana kemunculan serentak kedu-duanya pada tahun 1979. Hanakala kakitangan KEMAS termasuk Sli merupakan anggota komiti ad-doc SEBERKAS cawangan yang dipengerusikan oleh Simon Dembab Maja. Urusan pentadbiran SEBERKAS dikenalikan oleh kakitangan KEMAS. Keadaan ini mengambarkan seolah-olah KEMAS dan SEBERKAS mendapat arahan dan datang dari pihak yang sama. Strategi ini sebenarnya merupakan rancangan jangka panjang PBB bagi menawan kerusi Kawasan undi N.17 Engkilili. PBB masih menganggap Engkilili sebagai miliknya kerana PESAKA yang membentuk PBB pernah menguasai Engkilili sebelum ditewaskan oleh SNAP pada tahun 1974.

Oleh kerana itu SUPP menolak bantuan KEMAS semasa pilihanraya 1987. PBB pernah cuba menguasai kembali kerusi Engkilili pada pilihanraya 1983 dengan meletakkan Simon Dembab Maja atas tiket bebas. Ternyata dari kemenangan Sim

Choo Nam, jentera PBB yang terdiri dari KEMAS dan SEBERKAS belum dapat berfungsi dengan berkesan pada masa itu. Faktor lain yang menyebabkan kekalahan Simon Dembab Maja ialah kerana 'public image' beliau sudah merosot akibat sikapnya yang tidak memperdulikan kawasan undi tersebut ketika menjadi Timbalan Ketua Menteri Sarawak di awal tahun-tahun 1970an.

Walau bagaimanapun PBB sedang mengatur strategi baru bagi merampas Kawasan undi N.17 Engkilili dari PBDS. Encik Sli menerangkan PBB akan menubuhkan cawangan parti berkenaan di kawasan undi Parlimen P.139 Lubuk Antu yang juga merangkumi Engkilili. Belisur menambah lagi, pihaknya bercadang membuka sebanyak 12 sub-cawangan yang akan mengandungi kira-kira 200 orang ahli di setiap sub-cawangan tersebut. Sekarang ini beberapa orang kuat SNAP seperti Jonathan Narwin dan Jawaah Gerang telah menyertai PBB. Encik Sli memberitahu kemungkinan PBB akan berunding dengan SUPP pusat supaya Engkilili diberi kepada PBB sekiranya berlaku pilihanraya. Sebagai tukaran PBB akan memberi kawasannya yang mempunyai bilangan pengundi Cina yang agak besar.

Berdasarkan perkembangan tersebut, PBB telah merancang strateginya sejak tahun 1979 lagi untuk menguasai kawasan undi Engkilili. PBB telah mencuba keberkesanannya jenteranya dalam pilihanraya 1983. Walau gagal tetapi sekarang sedang cuba berusaha mengatasi masalah yang ada dan menubuhkan Cawangan PBB di kawasan tersebut secara yang lebih formal. Pada tahun 1987 PBB tidak bertanding kerana PBB sendiri

mengalami masalah dalam parti akibat tindakan sebilangan ADUN PBB yang keluar dari parti bagi menyertai PERMAS. Bagi menggelakkan sebarang kerumitan yang sedang melanda PBB dan BN Negeri ketika itu PBB memberi kepercayaan kepada SUPP menentang PBDS.

### 3) Politik Wang

Dalam persaingan politik yang terbuka seperti di Malaysia, pelbagai cara digunakan semata-mata untuk mencapai objektif yang diperjuangkan. Penggunaan wang dalam politik merupakan suatu fenomena yang semakin meluas sama ada di peringkat politik atau 'grassroots'. Penggunaan wang oleh pihak-pihak tertentu bertujuan untuk memujuk golongan pengundi supaya berpihak kepada mereka. Fenomena ini sebenarnya boleh difahami jika dikaitkan dengan konsep hubungan 'patron-client'. Dimana pihak yang memberi bantuan atau sumbangan ekonomi kepada golongan tertentu, khususnya pengundi dengan harapan mendapat balasan dalam bentuk khidmat politik. Dalam masyarakat timur sukar untuk membezakan amalan pemberian saguhati dengan rasuah. Misalnya dalam masyarakat Malaysia terdapat simpulan bahasa berbunyi;

"orang memberi kita merasa,  
orang berbudi kita berbahasa"

keadaan ini seolah-olah memberikan amalan penggunaan wang dalam politik. Walau apa sekali pun pandangan yang diberikan mengenai amalan tersebut, yang jelasnya memang terdapat unsur-unsur negatif dan positifnya.

Sebenarnya terdapat peraturan mengenai penggunaan wang semasa pilihanraya. Pindaan Akta Pilihanraya membenarkan perbelanjaan wang sebanyak \$20,000.00 bagi kawasan Dewan Rakyat dan \$15,000.00 bagi Dewan Undangan Negeri (Hussain Mohamed 1987:127). Perbelanjaan ini termasuk membayar cagaran dan semasa berkempen. Setiap perbelanjaan dalam lingkungan jumlah yang dinyatakan perlu dilapurkan secara rasmi. Peraturan tersebut diadakan bagi menjadikan pertandingan lebih adil. Jika tidak diselarasakan calon atau parti yang lebih kaya mampu menggunakan sejumlah perbelanjaan yang lebih dari yang dibenarkan. Walau bagaimana pun peraturan tersebut tidak pernah diikuti. Kerap kali perbelanjaan yang sebenar dan melampaui had yang dibenarkan tidak pernah dilapurkan. Perkara ini berlaku sama ada dikalangan parti pembangkang atau kerajaan.

Di Sarawak penggunaan wang dalam politik khususnya semasa pilihanraya telah mencapai tahap yang dianggap luarbiasa. Semasa pilihanraya 1987 dipercayai telah melibatkan sejumlah \$100 juta (New Straits Times April 9, 1987). Suruhanjaya sendiri telah membelanjakan sebanyak \$2.5 juta bagi tujuan pengurusan dan operasi. Nanakala parti-parti politik PBB, SUPP dan SNAP membelanjakan sebanyak \$80 juta. Parti pembangkang PBDS dan PERMAS membelanjakan sejumlah wang sebanyak \$20 juta. Angka-angka ini mesang mengejutkan kerana sejumlah wang yang besar ini digunakan semata-mata untuk pilihanraya sahaja. Perkembangan ini

membayangkan seolah-olah kegiatan politik merupakan suatu kegiatan yang mewah.

Di Engkillili penggunaan wang dalam pilihanraya bagi tujuan memancing undi bukanlah perkara yang asing bagi bagi penduduk tempatan. Ianya sudah berlaku jika tidak keterlaluan bermula apabila pilihanraya pertama kali diadakan pada 1963. Tetapi yang membezakan hanya jumlah yang terlibat. Semenjak tahun 1983 penggunaan wang dalam politik semakin serius dan melibat sejumlah yang benar. Menurut maklumat yang diberikan oleh Sim Choo Nam, semasa pilihanraya 1987 SUPP telah membelanjakan sebanyak \$670,000.00 bagi memancing undi. Beliau menambah lagi sebenarnya angka tersebut adalah kecil jika dibandingkan dengan perbelanjaan yang digunakan oleh Alfred Jabu Numpang sebanyak \$3 juta bagi mempertahankan kerusinya di N.20 Layar. Walau bagaimanapun Sim Choo Nam enggan memberitahu jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh PBDS. Tetapi menurut beberapa responden yang ditemui mengatakan Sim Choo Nam tidak banyak memberi sumbangan berbanding semasa beliau bertanding atas tiket bebas pada pilihanraya 1983.

Perbelanjaan tersebut digunakan dalam dua bentuk iaitu pemberian sagu hati wang tunai dan projek kilat. Pemberian wang tunai merupakan amalan biasa dan telah lama dipraktikan. Seorang responden yang pernah menjadi agen politik SUPP memberitahu, mereka biasanya memberi antara \$20.00 hingga \$40.00 kepada setiap bilik di rumah panjang. Dalam setiap kunjungan mereka biasanya membawa antara

\$400.00 hingga \$1,000.00 untuk dibahagikan kepada penghuni rumah panjang. Tetapi biasanya mereka tidak akan mengikut arahan yang sebenar mengenai jumlah yang mesti diberi. Misalnya jika pihak SUPP mengarahkan pemberian adalah \$30.00 bagi setiap bilik, mereka hanya memberi \$20.00 sahaja. Wang selebihnya masuk kedalam poket mereka sendiri. Pembahagian wang ini biasanya dilakukan pada waktu malam saja. Menurut responden itu lagi, pekerjaan tersebut agak merbahaya kerana tugas itu dilakukan oleh dua hingga tiga orang saja. Mereka merasa bimbang kerana rompak ditempat yang terpencil. Jika dirompak mereka tidak dapat melapurkannya kepada pihak polis kerana kegiatan mereka itu salah dan boleh memburukkan imej parti.

Semasa pilihanraya pelbagai projek kilat diberi kepada penduduk-penduduk di situ. Mereka mengambil peluang ini dengan meminta pelbagai bantuan dari calon-calon yang bertanding. Penduduk-penduduk di rumah panjang sekarang sudah sedar mereka tidak boleh lagi mempercayai sebarang janji-janji yang diberikan oleh calon-calon yang bertanding akan mengadakan projek tertentu sekiranya dipilih mewakili kawasan tersebut. Oleh itu parti-parti politik terpaksa memberikan sumbangan mereka semasa kempen diadakan. Dirumah panjang Herbong SUPP telah memberi mereka sebuah janakuasa letrik yang berharga \$10,000.00 lengkap dengan pendawaiannya sekali. Di samping itu SUPP juga memberi bantuan papan lapis bagi membaiki rumah tersebut. Setiap bilik dibekalkan sebanyak 20 keping yang berharga lebih \$100.00. Semasa

pilihanraya 1983, Sim Choo Nam telah memberi sebuah mesin padi kepada penduduk di sini. Tetapi pada pilihanraya 1978 Sim Choo Nam memberi sebarang projek kilat kepada mereka kecuali wang sagu hati sebanyak \$20.00 kepada setiap bilik.

Pemberian projek kilat tersebut bukan sahaja berlaku di rumah panjang Herbong tetapi ianya terdapat di rumah panjang-rumah panjang lain di kawasan N.17 Engkilili yang meliputi Batang Ai, Lemanak, Skrang dan Batang Lupar. Bagi penduduk tempatan musim pilihanraya merupakan musim pesta bagi mereka. Di samping terdapatnya jamuan semasa ceramah politik di adakan, mereka juga dibanjiri berbagai bantuan seperti injin bot, bahan-bahan untuk membuat rumah dan janakuasa letrik. Pemberian projek-projek tersebut semakin giat dijalankan pada saat-saat akhir kempen diadakan. Peluang seperti ini memang tidak didapati pada waktu-waktu lain.

Dalam pilihanraya 1987 SUPP banyak memberi projek kilat kepada penduduk tempatan berbanding dengan PBDS. Memang mengagumkan Sim Choo Nam berupaya memehangi kawasan tersebut walaupun sumyangan beliau dari segi projek kilat tidak seberapa berbanding dengan SUPP. Pengkaji mendapati pengguna wang dalam politik di kawasan ini ada kebaikannya terutama kepada penduduk tempatan. Jika hendak bergantung kepada bantuan-bantuan kerajaan di masa luar pilihanraya adalah sukar. Disebabkan sejarah politik kawasan ini yang dikuasai SNAP dari 1974 - 1983 menyebabkan innya diabadikan



## Bab 7 : Kesimpulan

Politik di Engkilili merupakan salah satu contoh yang baik dalam konteks politik yang berdasarkan hubungan 'patron-client'. Hubungan ini tidak hanya terhad kepada golongan bawahan sahaja tetapi berlaku juga di peringkat atasan. Kawasan undi Dewan Undang Negeri N.17 Engkilili yang majoriti pengundi terdiri dari suku kaum Iban mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan sebarang keputusan politik di kawasan berkenaan. Mereka tidak memerlukan sebarang bentuk kompromi dengan kaum-kaum lain bagi menentukan haluan politik di Engkilili. Sebaliknya kaum lain khususnya Cina amat memerlukan sokongan suku kaum Iban dalam menentukan 'survival' politik mereka. Oleh itu corak politik di Kawasan undi N.17 Engkilili bukanlah sepenuhnya berunsur perkauman. Kedudukan majoriti mereka dari segi bilangan pengundi tidak membimbangkan mereka akan dicabar oleh kaum-kaum lain. Pengkaji berpendapat bahawa sentimen perkauman di peringkat 'grassroots' berlaku dengan lebih ketara bila bilangan pengundi di kalangan kaum-kaum tertentu agak sama atau seimbang. Keadaan ini berlaku kerana masing-masing berasa yakin boleh berdikari dalam 'survival' politik mereka. Hal ini tidak berlaku di Kawasan undi N.17 Engkilili. Kumpulan etnik Cina memerlukan sokongan dari orang-orang Iban. Akibat dari interaksi ini maka timbulah hubungan 'patron-client' yang berdasarkan kepentingan

ekonomi. Hubungan ini berbentuk timbal-balas di antara kedua belah pihak.

Sentimen 'Dayakism' yang sangat diperkatakan pada tahun-tahun 1980an sebenarnya lebih hebat berlaku pada tahun-tahun 1960an dan 1970an. Ini dapat dilihat kepada pengaruh PESAKA dan SNAP pada jangkamasa tersebut. Jika hendak dibandingkan kesedaran kepentingan kaum, pengkaji berpendapat sudah di tahun-tahun 1980an kesedaran ini lebih besar disebabkan taraf pendidikan yang semakin meningkat. Tetapi sentimen ini tidak menggambarkan keadaan politik di kalangan 'grassroots' suku Iban khususnya di Engkilili, di mana parti-parti politik yang berteraskan sokongan pengundi suku kaum Iban tidak dapat bertahan di Engkalili. Kemunculan PBDS sebenarnya boleh meletakkan calon Iban. Faktor penentu dalam politik di Engkilili sebenarnya dipengaruhi oleh unsur-unsur hubungan 'patron-client'. Populariti Sim Choo Nam tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pihak. Hubungan rapat beliau dengan penduduk-penduduk tempatan telah menimbulkan sikap saling percaya mempercaya di antara satu sama lain. Sikap seperti ini merupakan salah satu ciri utama dalam hubungan 'patron-client'.

Politik di Engkilili masih dipengaruhi dengan berkesan oleh pemimpin-pemimpin tradisi tempatan. Arus perubahan politik moden tidak mengubah kedudukan dominan mereka dalam masyarakat luar bandar. Malah kepimpinan mereka sentiasa diperlukan dalam menentukan kemenangan dan pengurusan pihak-pihak tertentu di Engkilili. Peranan mereka sebagai

'political middleman' ternyata berkesan mempengaruhi golongan 'grassroots' di kawasan pedalaman.

Politik di Malaysia adalah cenderung bersifat 'centralized' dan pihak-pihak dari pusat pentadbiran berusaha mengawal perkembangan politik di peringkat 'grassroots' atau 'local-level' supaya sealiran dengan perkembangan politik di peringkat pusat. Oleh itu tafsiran Swartz (1986:1) mengenai politik 'local-level' yang tidak mementingkan pengaruh-pengaruh luaran adalah tidak tepat khususnya dalam konteks politik di Engkilili. PBB sebuah parti politik yang berpengaruh dan dianggap sebagai 'patron' BN Negeri Sarawak sentiasa menunjukkan minat terhadap Kawasan undi N.17 Engkilili. Strategi jangka panjang PBB dengan membawa masuk agensi kerajaan seperti KENAS dan penubuhan cawangan SEBERKAS pada tahun 1979 merupakan tanda yang menunjukkan PBB akan berkuasa di kawasan undi ini.

Sentimen hubungan 'patron-client' di Engkilili sebenarnya berpunca dari kesilapan kerajaan yang mengabaikan pembangunan masyarakat di kawasan berkenaan. Tahap kemiskinan yang masih tinggi di kalangan penduduk-penduduk tempatan yang majoritinya suku kaum Iban, memaksa mereka mewujudkan rangkaian hubungan tersebut bagi kepentingan 'survival' mereka. Faktor ekonomi sememangnya mempengaruhi dalam menentukan perpaduan politik di kalangan suku kaum Iban. Mereka berpecah kerana mempunyai 'patron' yang berlainan. Oleh itu sekiranya mana-mana parti kerajaan tertentu PBB

yang berhasrat hendak menguasai kawasan undi ini mestilah terlebih dahulu memecahkan rangkaian mekanisme 'patron-client' di kawasan tersebut. Ini akan menjadikan golongan 'grassroots' tidak terlalu bergantung dan bebas dari ikatan 'patron'. Walaupun bagaimanapun hubungan ini terlalu kompleks dan sukar dihapuskan. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Engkilili tetapi juga di kawasan pendalaman yang masih mundur dari segi pembangunan. Keadaan ini sebenarnya mempengaruhi kepimpinan di peringkat atasan kerana bilangan kerusi di kawasan undi berkenan boleh menentukan kekuatan suara pihak-pihak tertentu di Dewan Undangan Negeri. Ini juga sebenarnya boleh menentukan kekuatan suara bumiputera dengan bukan bumiputera di Dewan Undangan Negeri kerana majoriti penduduk luar bandar adalah terdiri dari bumiputera. Dengan lebih khusus lagi ianya boleh menentukan pengaruh politik suku kaum Iban di peringkat atasan.

Pengkaji membuat kesimpulan bahawa politik di kalangan suku kaum Iban di Engkilili masih belum berkembang sepenuhnya dan masih mengalami dilema perpecahan sesama sendiri. Kesimpulan ini berdasarkan kepada komitmen mereka terhadap politik kepartian masih longgar sehingga menyebabkan parti-parti politik beranaskan sokongan suku kaum Iban yang pernah bertapak di Engkilili tidak dapat bertahan lama.

Senarai Rujukan

- 1) Asford, D.E. 1972. "Ideology and participation", Sage Publication Inc., Beverly Hills, California.
- 2) Balandier, G. 1972. "Political Anthropology", tr. by Smith A.M. Sheridan, Penguin Books Limited.
- 3) Card, R.L. 1974. "Political Sciences: An Introduction", Appleton Century, Crofts, New York.
- 4) Duverger, M. 1967. "Political Parties: Their Organization and activity in the moden state", Wiley, New York.
- 5) Duverger, M. 1972. "The Study of Politics", ThomasY.Crowell Campany Inc.
- 6) Dickson, M.G. 1962. "Sarawak and Its People", Borneo Literature Bureau.
- 7) Freeman, D. 1970. "Report on the Iban", Anthlone Pre s, London.
- 8) Fried, M.H. 1967. "The Evolution of Political Society", Random house New York.
- 9) Hudson, A.B. "A Note on Selako: Malayic Dayak and Land Dayak Languages in Western", Sarawak Museum Journal 18 (1970).
- 10) Hussain M. 1987. "Membangun Demokrasi, Pilihanraya di Malaysia", Hussain Mohamed, Karya Bistari Sdn.Bhd.
- 11) Jawan, Jayum A. "Pilihanraya Sarawak 1983: satu Tinjauan", dalam Ilmu Masyarakat, Januari-Jun, 1984.
- 12) Jawan, Jayum A. "Kemunduran di kalangan Masyarakat Dayak", dalam Ilmu Masyarakat, Okt. - Dis. 1984.
- 13) Jawan, Jayum A. 1987. "The Sarawak State Election Of 1987: The Dayakism Factor", Jayum A. Jawan, Kuala Lumpur.
- 14) Justus M. Van der Kroef. 1966. "Chinese minority aspiration and problem in Sarawak", Pacific Affairs.
- 15) Ju K'an Tien 1953. "The Chinese of Sarawak" (London) school of enonomis and poqlitical Science.
- 16) Kedit, P.M. 1980. "Modernization Among The Iban Of Sarawak", Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.

- 17) LaPalambara, J. and Weiner, M. 1966. "The origin and development of political parties", ed. Volume Political parties and political development, Princeton: Princeton University Press.
- 18) LaPalambara, J. 1974. "Politics within nation", Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, New York.
- 19) Leigh, Micheal B. 1988. "The Rising Moon: Political Change in Sarawak", Micheal Beckett Leigh, Antara Book Company.
- 20) Leigh, Micheal B. 1964. "The Chinese Community Of Sarawak", University Of Singapore.
- 21) Mauzy, Diane K. 1983. "Barisan Nasional", Kuala Lumpur: Merican and Sons.
- 22) Mosca, G. 1939. "The Rulling Class", MgGraw - Hill Book Company, Inc.
- 23) Milbarth, Lester W. 1965. "Political participation", Chicago: Rand McNally.
- 24) Pareto, V. 1963. "The mind and society: A treatise of general sociology". Dover Publication, Inc., 180 Varick Street. New York, 14 N.Y.
- 25) Powell, John D. 1970. "Peasant society and clientelist politics", dalam American Political Science Reveiw.
- 26) Radcliffe, A.R.-Brown. 1965. "Staructure and Function in Primitif Society", Cohen And West Limited.
- 27) Roff, Margaret F. 1973. "Political change in East Malaysia 1962-1972: Organisation, Mobilisation and Incorporation", Phd. Thesis, Columbia University.
- 28) Ross-Larson, B. 1976. "The politics of federalism: Syed Kechik in East Malaysia", Bruce Ross-Larson, Singapore.
- 29) Rousseau, J. 1980. "Iban Inquality", dalam Bijdragen Tot de Taal, Land en Volkenkunde No.2.
- 30) Rush, M. and Althoff, P. 1971. "An Introduction to political sociology", Bristol, Nelson University.
- 31) Sandin, B. 1967. "The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah Rule", Macmillan, London.
- 32) Scott, James C. Mac 1972. "Patron - Client Politics", dalam American Political Science Review.

- 33) Searle, P. 1983. "Politics in Sarawak 1970 - 1976: The Iban Perspective", Oxford University Press.
- 34) Siaran Perangkaan Sarawak Tahun 1987, Jabatan Perangkaan Malaysia (cawangan Sarawak).
- 35) Sidney Verba, Norman H.Nie, Jac-On Kim. 1978. "Participation and political equality", Cambridge University Press.
- 36) Smith, C.S. and Zuchen, A.J. 1965. "Dictionary of American politics", Barnes and Noble, Inc. New York.
- 37) Sorouf, F.J. 1964. "Political parties in the American system", Boston, Toronto : White Brown & Company.
- 38) Strauch, J. 1975. "Sanchun, Malaysia: Local-level politics in a rural Chinese town", Phd. Thesis, Stanford University.
- 39) Sutlive, V.H. 1978." The Iban of Sarawak", AHM Publishing Corporation.
- 40) Swartz, Marc J. 1968. "Local-level politics", Marc J.Swartz, ed., Aldine Publishing Company, Chicago.
- 41) Vasil, R.K. 1972. "The Malaysian General Election of 1969", Oxford University Press.
- 42) Zainal Kling. "Pembangunan masyarakat di Sarawak masalah alam dan sosio budaya", dalam Dailog -No.9. Dec.,1978,diterbikan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia Cawangan-cawangan Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri.
- 43) Berita Harian , Mac 10 ~ 11, 1987.
- 44) Far Eastern Review, July 21, 1983.
- 45) Far Eastern Review, December 31, 1983.
- 46) New Straits Times, April 9, 1987.
- 47) The Star, Mac 23, 1987.
- 48) The Star, April 7, 1987.
- 49) The Star, April 17 ~ 18, 1987.
- 50) The Star, December 31, 1987.
- 51) Utusan Malaysia, Mac 10,1987.